



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 16 OKTOBER 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 7 HINGGA 56)**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 6)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 16.10.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sekolah khas atau khusus bagi pelajar Tingkatan Enam di setiap Pejabat Pendidikan Daerah sesuai dengan pengiktirafan mereka sebagai pelajar Pra Universiti.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha meningkatkan kualiti pendidikan termasuklah bagi pelajar Tingkatan 6. Melalui Penjenamaan Semula Tingkatan Enam, KPM sememangnya berhasrat untuk mewujudkan sebuah sekolah pusat Tingkatan Enam Mod 1 di setiap daerah.

Walau bagaimanapun usaha ini bergantung kepada tahap kesediaan negeri masing-masing terutama dari segi aspek fizikal dan kemudahan-kemudahan infrastruktur, lokasi sekolah dan lain-lain lagi. Pada tahun 2014, KPM telah berjaya mengoperasikan lima (5) buah pusat Tingkatan Enam Mod 1 yang menempatkan hanya murid-murid

Tingkatan Enam iaitu di negeri Sabah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah dan Johor. Status terkini, KPM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri sedang merancang peluasan Sekolah Pusat Tingkatan Enam mengikut kategori Mod 1, 2 dan 3 bermula 2015 hingga 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tingkatan 6 kategori Mod 1 adalah sekolah yang beroperasi sepenuhnya sebagai Pusat Tingkatan 6, Mod 2 adalah sekolah yang beroperasi di sekolah arus perdana dan ditempatkan di bangunan blok yang berasingan manakala Mod 3 adalah sekolah Tingkatan 6 yang sedia ada dan beroperasi seperti sedia ada.

RJM51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**  
**[ KAPAR ]**  
**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Manivanan A/L Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- i) jumlah bilangan klinik kesihatan awam dan swasta di seluruh negara mengikut pecahan setiap negeri, dan sama ada usaha-usaha pemantauan diadakan bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh setiap klinik adalah menepati piawaian untuk menjamin keselamatan dan kepentingan pesakit; dan
- ii) perincian kes demam denggi (pecahan untuk setiap negeri) dan bilangan kes kematian akibat demam denggi (pecahan untuk setiap negeri) untuk sepanjang tahun 2012, 2013 dan sehingga 30 September 2014.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga 31 Disember 2013, terdapat 934 klinik kesihatan awam yang telah beroperasi di seluruh negara, manakala sehingga 30 September 2014, bilangan klinik perubatan swasta yang didaftarkan adalah sebanyak 6,923 dan bilangan klinik pergigian swasta sebanyak 1,738. Peningkatan jumlah klinik kesihatan setiap tahun disebabkan oleh pertambahan penduduk selari dengan pembangunan yang pesat di negara ini.

Untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan bagi menjamin keselamatan pesakit, pelaksanaan perkhidmatan dijalankan berdasarkan tatacara, garis panduan, prosedur operasi standard, serta pekeliling yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam pengurusan dan pengendalian penyakit dan pesakit. Di samping itu, latihan dan kursus juga dijalankan untuk memberi maklumat terkini kepada anggota kesihatan. Perbincangan dan mesyuarat juga diadakan secara berkala di peringkat klinik, daerah, negeri dan ibu pejabat dalam usaha memperbaiki dan mempertingkatkan perkhidmatan yang dilaksanakan.

Untuk fasiliti kesihatan swasta pula, mereka tertakluk kepada Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 yang mengawal piawaian, struktur dan perkhidmatan fasiliti kesihatan swasta. KKM bertanggungjawab memantau, mengawal dan mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di klinik perubatan dan pergigian swasta selaras dengan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-

Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006.

Bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan menjamin keselamatan dan kepentingan pesakit pihak Kementerian akan melakukan lawatan pemeriksaan pasca pendaftaran selepas 6 bulan klinik tersebut didaftarkan. Kementerian sangat mengambil berat isu keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan yang disediakan di Malaysia.

**Tuan Yang Dipertua,**

Bilangan kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2012 adalah sebanyak 21,900 kes dengan 35 kematian manakala bagi tahun 2013, sebanyak 43,346 kes dengan 92 kematian. Bagi tempoh Januari sehingga 20 September 2014 adalah sebanyak 74,335 kes dengan 143 kematian. Ia merupakan jumlah kes dan kematian denggi tertinggi yang pernah dilaporkan dan telah melebihi jumlah kes keseluruhan tahun-tahun sebelumnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 9**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan peratusan penduduk di luar bandar Sarawak dan Sabah yang belum mendapat liputan telefon dan perkhidmatan internet. Apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan bilakah negara kita dapat mencapai 100% perkhidmatan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan melalui Kementerian ini sentiasa berusaha untuk terus mempertingkatkan perkhidmatan dan liputan telefon dan juga internet di seluruh negara termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Sehingga bulan Oktober 2014, kadar penembusan telefon selular negara telah melebihi 100% penembusan iaitu 143.7% dengan 43.1 juta langganan. Manakala, kadar penembusan jalur lebar isi rumah di

## SOALAN NO.: 9

Malaysia telah mencapai 67% penembusan dengan jumlah langganan sebanyak 6.4 juta. Dengan ini, negara memerlukan 7.9 peratus lagi untuk mencapai sasaran 75% penembusan jalur lebar isi rumah menjelang 2015.

Berdasarkan data daripada International Telecommunication Union (ITU), Malaysia telah menduduki tempat yang kedua di belakang Singapura dari segi langganan jalur lebar talian tetap per 100 penduduk di kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Peningkatan penembusan jalur lebar ini adalah hasil daripada pelaksanaan beberapa inisiatif kerajaan seperti perluasan perkhidmatan selular 3G, *Broadband for General Population* (BBGP), Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dan Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) yang bagi meningkatkan penggunaan jalur lebar di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak iaitu semenjak pelancaran National Broadband Initiative (NBI) pada tahun 2010 oleh YAB Perdana Menteri.

Dalam usaha yang lain bagi meningkatkan kelajuan perkhidmatan internet sediada, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kelajuan dan kualiti internet di negara ini. Antaranya melalui pelaksanaan pelbagai projek utama seperti Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB), Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), pembinaan menara telekomunikasi baru, LTE, Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia dan Sistem Kabel Dasar Laut.

Isu kadar caj internet di negara kita yang dikatakan mahal sebenarnya kurang tepat. Laporan oleh ITU Affordability Report 2013 yang diterbitkan oleh *Alliance for Affordability Internet* pada 8 December 2013 membuktikan bahawa harga perkhidmatan jalur lebar dan selular di

## SOALAN NO.: 9

Malaysia adalah kompetitif, setanding dengan negara-negara maju dan membangun yang lain. Sepertimana yang dilaporkan dalam laporan tersebut Malaysia berada di tangga tertinggi di kalangan 46 negara membangun (emerging countries) termasuk China, Brazil, Turkey dan Hungary dari segi pasaran Internet mampu milik. Walaubagaimanapun, pihak Kementerian melalui MCMC dengan kerjasama pihak pemberi perkhidmatan masih ada juga memperkenalkan pakej-pakej mampu milik pada kadar serendah RM20 sehingga RM25 tetapi masih tetap pada tahap kualiti yang ditetapkan oleh MCMC.

Perlaksanaan dan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan, telah membolehkan ramai rakyat Malaysia menikmati kemudahan komunikasi termasuklah di kebanyakan kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dimana setakat suku kedua tahun 2014, kadar penembusan jalur lebar bagi negeri Sarawak telah mencapai 63.4% dan bagi negeri Sabah adalah 62.4% berbanding dengan tahun 2010 pada kadar 40.2% di Sarawak dan 25.6% di Sabah.

Bagi perkhidmatan selular pula, sehingga kini sebanyak 203 menara telah dibina di negeri Sarawak dan 212 menara di negeri Sabah. Manakala bagi tahun 2014, Kerajaan sedang melaksanakan sebanyak 149 menara lagi di Sarawak dan 79 menara lagi di Sabah.

Walaupun banyak inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan melalui pelaksanaan pelbagai projek, namun jika ianya tidak mendapat kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Negeri maka hasrat Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan komunikasi terbaik kepada rakyat sukar untuk dicapai.

## SOALAN NO.: 9

Dalam melaksanakan projek-projek pembinaan infrastruktur komunikasi seperti menara yang hampir semuanya terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman, pihak pemberi perkhidmatan menghadapi cabaran besar terutamanya di peringkat perolehan tapak dan juga kelulusan PBT bagi membolehkan sesebuah menara dibina.

Perolehan tapak yang melibatkan tanah milik orang perseorangan dan tanah milik Kerajaan Negeri serta proses kelulusan PBT mengambil masa yang lama merencatkan sasaran pelaksanaan projek-projek ini. Ditambah pula dengan kadar bayaran yang melampau di kenakan oleh sesetengah Kerajaan Negeri akan menambah kelewatan pelaksanaan. Contohnya di Pulau Pinang; syarat tambahan pembinaan menara atau struktur pemancar memerlukan kelulusan ADUN dan ADUN pula amnya enggan meluluskan kerana kluatir perlu bertanggungjawab bagi sebarang perkara berbangkit (contohnya bantahan penduduk dan sebagainya). Manakal Fi pembaharuan permit tahunan adalah tinggi, RM5000 bagi setiap satu tapak menara dan struktur pemancar atas bangunan.

Oleh yang demikian, suka untuk saya mencadangkan agar ahli-ahli parlimen untuk turut sama memberi perhatian dan memberi sokongan kepada pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang terutamanya dengan memberi keutamaan bagi mempercepatkan kelulusan kerana hanya dengan cara inilah isu dan cabaran utama ini dapat ditangani bersama dan projek-projek komunikasi yang membawa banyak manfaat kepada rakyat dapat dilaksanakan demi kemudahan rakyat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 16.10.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) mekanisme yang disediakan bagi pelajar asing memohon kad pengenalan pelajar antarabangsa, i-Card; dan
- (b) langkah-langkah yang dibuat bagi memastikan semua pelajar asing memiliki i-Card dan tindakan-tindakan yang akan dikenakan sekiranya pelajar asing didapati tidak memiliki i-Card.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, i-kad Pelajar Antarabangsa merupakan kad pengenalan diri untuk pelajar antarabangsa yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Pusat Sehenti *Education Malaysia Global Services* (EMGS). Ia adalah dokumen yang sah digunakan di Semenanjung Malaysia bagi menggantikan pasport. Untuk makluman, i-kad akan dikeluarkan bersekali dengan pas pelajar yang diberikan kepada pelajar antarabangsa. Pelajar antarabangsa boleh memohon pas

pelajar dan i-kad melalui sistem *Student Application Registration System* (STARS). Antara maklumat yang tertera pada i-kad adalah seperti berikut :

- (i) Nama pelajar;
  - (ii) Nombor pasport pelajar;
  - (iii) Alamat institusi;
  - (iv) Tarikh sah laku pas pelekat; dan
  - (iv) Nombor pengenalan i-kad.
- (b) Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Mac 2014 telah memutuskan supaya i-kad pelajar antarabangsa dikeluarkan lebih awal. Sehubungan itu, EMGS telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan urusan pengeluaran i-kad pelajar antarabangsa melalui Mesyuarat Kumpulan Kerja dan Pengurusan dan Pemantauan Pelajar Antarabangsa (KKPPPA) pada 27 Mac 2014.

Semua pelajar antarabangsa yang memiliki pas pelajar adalah secara automatik akan diberikan i-kad oleh EMGS. Perkara ini telah diumumkan oleh Menteri Dalam Negeri semasa Majlis Pelancaran i-kad yang telah diadakan pada 27 Jun 2014. Pengeluaran i-kad adalah berkuatkuasa mulai 1 Julai 2014 bagi permohonan baharu pas pelajar antarabangsa dan permohonan pembaharuan pas pelajar antarabangsa.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD**  
**KAWASAN : LIPIS**  
**TARIKH : 16 OKTOBER 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status cadangan projek pembinaan Lebuhraya Utama Tengah (Central Spine Expressway - CSE) kepada pembangunan yang akan memberi manfaat kepada penduduk setempat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Central Spine ini melibatkan laluan Jalan Persekutuan 8 (FT08) dari Bentong – Raub – Lipis – Gua Musang – Kuala Krai sepanjang 390km. Projek bernilai RM6.6 bilion ini telah diluluskan secara berperingkat mulai RMKe-10. Pelaksanaan projek ini dipecahkan kepada 6 pakej utama.

Dalam RMKe-10 ini, keutamaan Kerajaan ialah untuk melaksanakan pakej 3 terlebih dahulu, iaitu melibatkan skop membina dan menaik taraf jalan di kawasan Lipis, Pahang. Ini kerana laluan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan ('blackspots area'). Setakat ini sepanjang 13.6km jalan baru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas, iaitu melibatkan laluan dari Kg. Kubang Rusa ke Felda Chegar Perah 2, Kuala Lipis. Manakala 24.2km lagi – iaitu dari Felda Chegar Perah 2 ke Felda Telang dan seterusnya ke Kg. Kechur, Kuala Lipis – dijangka akan disiapkan secara berperingkat-peringkat selewat-lewatnya pada bulan Jun 2015.

Untuk pakej-pakej lain Jalan Central Spine ini, ia akan ditender dan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11, tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN  
[IPOH BARAT]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**TUAN M. KULASEGARAN** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan sebahagian daripada RM100 juta akan digunakan untuk menjalankan latihan kemahiran kepada belia India. Berapakah peruntukan yang diagihkan untuk tujuan tersebut. Siapakah yang memantau pencapaian tersebut dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan kemajuan tersebut?

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2014, sebanyak RM157.8 juta telah diperuntukkan bagi Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India. Ini termasuk RM100 juta yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di dalam ucapan beliau ketika membentangkan Belanjawan 2014 untuk meningkatkan pencapaian pelajaran dan latihan kemahiran di kalangan masyarakat kaum India.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM74.55 juta telah diluluskan dan disalurkan kepada 41 Badan Bukan Kerajaan (NGO). Sementara itu, 22 Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) juga telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dengan peruntukan sebanyak RM15.25 juta. Proses pelantikan ILKS akan dibuat selepas mendapat kelulusan Lembaga Perolehan B, JPM.

Baki peruntukan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India pada masa ini adalah berjumlah RM68 juta dan akan diuruskan oleh Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India yang telah ditubuhkan. Sebelum ini Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India ini dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi, JPM. Pemantauan dibuat melalui penyediaan laporan berkala (setiap 3 atau 4 bulan sekali) dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian Program pencapaian pelaksanaan program tersebut. Pemantauan juga dibuat melalui lawatan dan audit

ke setiap NGO dan ILKS yang mendapat peruntukan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India.

Program-program yang dijalankan adalah meliputi program latihan kemahiran, peningkatan pencapaian pendidikan, pembangunan sahsiah diri dan pembangunan keusahawanan. Program-program ini memberi fokus kepada usaha meningkatkan pendapatan para peserta melalui penempatan pekerjaan di industri yang bersesuaian selepas tamat latihan ataupun menjalankan perniagaan bagi program-program berkaitan dengan pembangunan keusahawanan. Proses pemantauan juga akan dibuat oleh NGO dan ILKS untuk tempoh 6 bulan – 12 bulan bagi menilai pencapaian para peserta selepas tamat program. Bagi program berkaitan peningkatan pencapaian pendidikan pula, penumpuan diberikan kepada meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan utama seperti UPSR. Kumpulan sasar adalah bagi mereka yang berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal, anak-anak yatim, kumpulan belia berisiko tinggi, belia yang tercicir daripada sistem pendidikan dan warga emas.

Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah mengambil alih tanggungjawab pelaksanaan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) sejak September lepas dan akan membuat pemantauan program-program 2014 yang telah diluluskan kepada NGO dan ILKS. Pemantauan tersebut akan dibuat dari semasa ke semasa bersama-sama Jawatankuasa Penilaian Program bagi memastikan program yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Kebanyakan program masih lagi berlangsung dan penilaian impak bagi setiap program yang

dilaksanakan akan dibuat selepas program tamat. Pada masa yang sama, masih terdapat permohonan-permohonan yang diterima daripada NGO dan ILKS yang berminat untuk mendapatkan peruntukan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India. Penilaian bagi kertas cadangan yang baharu akan dibuat oleh Unit Khas.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU  
[TUARAN ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan apabila dilaksanakan nyatakan agihan kepada setiap negeri sejak AIM ditubuhkan serta keberkesanannya dalam pembasmian kemiskinan.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) ialah sebuah badan Amanah Persendirian yang ditubuhkan pada 17 September 1987 melalui Suratcara Perjanjian AIM dan didaftarkan di bawah Akta Amanah (Pemerbadanan) 1952 (pindaan 1981) (Akta 258).

Sehingga kini, jumlah dana pembiayaan modal yang telah diterima oleh AIM daripada Kerajaan Persekutuan semenjak tahun 1996 ialah sebanyak RM1.094 billion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM857.968 juta adalah dalam bentuk pinjaman mudah yang perlu dibayar balik mengikut perjanjian dan bakinya RM236.6 juta merupakan geran bagi pelaksanaan Program 1Azam yang diterima pada Disember 2010. Jumlah kumulatif pembiayaan yang dikeluarkan dari 1996 hingga 2013 berjumlah RM9.97 bilion. Ini menunjukkan dana tersebut telah berjaya dipusingkan semula kepada modal pembiayaan sebanyak **9.10** kali. Jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan mengikut negeri dan kaum adalah seperti berikut:

No	Wilayah	Bumiputera	Cina	India	Jumlah
1	Kedah	1,934,463,982	574,800	3,823,745	1,938,862,527
2	Perlis	190,583,575	56,629	376,716	191,016,920
3	Perak	1,299,047,029	926,111	27,980,990	1,327,954,130
4	Pulau Pinang	183,444,259	130,780	3,951,321	187,526,360
5	Kelantan	1,737,866,666	3,809,342	131,682	1,741,807,690
6	Terengganu	1,608,701,179	88,824	36,640	1,608,826,643
7	Johor	251,294,827	103,036	721,253	252,119,117
8	Negeri Sembilan	221,925,093	1,462,464	5,388,333	228,775,891

9	Melaka	107,700,287	709,734	2,614,959	111,024,980
10	Pahang	726,202,007	1,455,164	3,743,279	731,400,450
11	Sarawak	886,060,155	4,800,010	193,970	891,054,135
12	Sabah	1,425,347,502	4,574,591	726,139	1,430,648,231
13	Selangor	350,436,268	609,470	9,693,360	360,739,098
14	Kuala Lumpur	171,654,282	298,537	4,748,101	176,700,920
		<b>11,094,727,110</b>	<b>19,599,494</b>	<b>64,130,488</b>	<b>11,178,457,093</b>

Sejak ditubuhkan, sebanyak 7 kajian impak keberkesanan program AIM telah dijalankan sama ada secara dalam dan penglibatan pihak luar. Secara keseluruhannya, penemuan kajian impak yang diperolehi menunjukkan hasil yang positif khususnya dari segi peningkatan pendapatan sahabat hasil sumbangan pembiayaan ikhtiar. Peningkatan pendapatan ini membolehkan mereka terkeluar dari paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pada masa itu. **Berdasarkan kajian terkini yang telah dijalankan**, seramai 347,084 bilangan sahabat AIM telah mendapat faedah melalui skim pembiayaan AIM dan mendapati bahawa:

- i. Pendapatan bulanan purata isi rumah sahabat AIM telah meningkat kepada RM2,750. Separuh daripada isi rumah yang dikaji memperoleh pendapatan purata RM2,000 sebulan dan ke atas;
- ii. Sehingga 31 Disember 2013, seramai 24,199 peserta 1Azam telah dibantu oleh AIM. Kesemua peserta telah didaftarkan melalui sistem e-Kasih ketika pendapatan mereka berada di bawah PGK. Setelah menyertai AIM melalui program 1Azam, pendapatan peserta tersebut telah dikategorikan kepada 3 kategori seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI PENDAPATAN (RM)</b>	<b>KETERANGAN</b>	<b>PERATUS PESERTA</b>
1	>3,500	Peserta dalam kategori ini yang telah berjaya melonjak pendapatan melebihi RM3,500.	34.1
2	1,500-3,500	Peserta dalam kategori ini yang telah meningkatkan pendapatan ke atas PGK tetapi masih memerlukan bantuan.	53.3
3	<1,500	Peserta masih berada dalam kategori ini yang masih memerlukan bimbingan dan pembiayaan.	12.6
<b>JUMLAH</b>			<b>100.00</b>

- iii. Selain itu, seramai 92,120 usahawan telah dilahirkan melalui program pembiayaan AIM yang mana sahabat yang telah mencapai kriteria pendapatan melebihi RM3,500. Usahawan yang telah lahir dari program ini, seramai 92,120 orang, di mana 83,859 ( 91.0% ) orang adalah dari program pembiayaan AIM, manakala 8,261 orang adalah dari program 1AZAM;
- iv. AIM juga berjaya mentransformasi usahawan mikro kepada usahawan kecil dan sederhana, kerana peningkatan kelompok usahawan IKS di kalangan sahabat AIM ini memberi impak yang lebih besar kepada peningkatan taraf sosio-ekonomi bukan sahaja kepada keluarga tetapi juga membawa kesan limpahan secara tidak langsung kepada masyarakat sekitar dan negara pada amnya. Pada tahap ini, mereka dapat menyumbang peluang-peluang pekerjaan, membayar zakat dan cukai pendapatan.

- v. Melalui program kredit mikro, sahabat AIM dapat menyertai pelbagai peluang pekerjaan baru dan pada masa yang sama turut mewujudkan peluang pekerjaan. Peningkatan peluang pekerjaan sebanyak 61.14% selepas sahabat menyertai AIM;
- vi. Selain daripada memberi pembiayaan, AIM juga mengalakkan sahabat membuat tabungan secara tetap setiap minggu dalam Simpanan Tabung Kumpulan. Jumlah terkumpul tabung ini sehingga Disember 2013 sekitar RM302 juta. Tabungan ini bertujuan meningkatkan simpanan sahabat untuk tujuan pelaburan dan kesejahteraan keluarga; dan
- vii. Majoriti sahabat AIM (97.8%) berpendapat bahawa taraf kehidupan mereka bertambah baik berbanding sebelum menyertai AIM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada usaha TalentCorp yang dilancarkan pada tahun 2011 telahpun berjaya dan sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Pertamanya**, izikan saya untuk menjawab soalan **Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh** pada hari ini bersekali dengan soalan oleh **Datuk Koh Nai Kwong** yang dijadualkan pada **27 Oktober 2014** kerana menyentuh perkara yang sama berhubung Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp).
2. Sejak ditubuhkan pada 2011, TalentCorp bertindak menangani isu keperluan tenaga berkemahiran tinggi dalam negara melalui kerjasama efektif (*effective partnership*) bersama sektor awam dan swasta serta memberi fokus kepada empat inisiatif iaitu:
  - a. **Pertamanya**, meningkat kebolehpasaran graduan;
  - b. **Keduanya**, menarik kepulangan profesional Malaysia di luar negara;
  - c. **Ketiganya**, memudahcara bakat asing berkemahiran tinggi untuk terus bekerja di Malaysia; dan
  - d. **Keempatnya**, menggalakkan kepelbagaian bakat khususnya modal insan wanita.

3. Kejayaan inisiatif TalentCorp boleh dilihat melalui Laporan Tahunan Program Transformasi Ekonomi (ETP) 2013 seperti berikut:

Bil.	KPI	Sasaran	Sebenar
1.	Bilangan permohonan yang diluluskan di bawah <i>Returning Expert Programme (REP)</i>	1,200	900
2.	Bilangan permohonan yang diluluskan di bawah <i>Resident Pass-Talent (RP-T)</i>	800	859
3.	Pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah inisiatif <i>Scholarship Talent Attraction &amp; Retention (STAR)</i>	400	424
4.	Bilangan tempat latihan yang diisi di bawah <i>Structured Internship Programme (SIP)</i>	10,000	10,824

4. Jelas bahawa TalentCorp telah memenuhi kebanyakan sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan. Namun begitu, terdapat kekurangan dari segi bilangan permohonan yang diluluskan di bawah *Returning Expert Programme*, dengan izin, memandangkan tumpuan dan penekanan diberikan terhadap kualiti profesional warga Malaysia yang kembali ke tanahair melalui program tersebut. Ini selaras dengan matlamat untuk memastikan kemudahan REP yang tepat bagi menyasarkan modal insan yang sesuai sebagaimana yang diperlukan untuk memacu ETP. Bagi memenuhi aspirasi tersebut,

kemudahan REP telah beberapa kali diberi penambahbaikan dan semakan semula.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini pada asalnya memberikan pengecualian cukai bagi pembelian 2 buah kenderaan pemasangan tempatan (CKD) atau 2 buah kenderaan import sepenuhnya (CBU). Namun, setelah dikendalikan oleh TalentCorp bermula tahun 2011, kemudahan pengecualian cukai bagi kenderaan telah dikurangkan kepada hanya 2 buah kenderaan CKD dan kadar rata cukai pendapatan sebanyak 15% selama 5 tahun telah diperkenalkan berserta kemudahan lain. Seterusnya mulai 16 April 2014 pula, pengecualian cukai bagi pembelian 2 buah kenderaan CKD telah dikurangkan lagi kepada sebuah kenderaan CKD atau pengecualian cukai bagi membawa pulang sebuah kenderaan CBU di samping kadar rata cukai pendapatan sebanyak 15% selama 5 tahun.
6. Perubahan ini mengambilkira bahawa kemudahan pengecualian cukai kenderaan yang diberikan adalah bersifat *one-off*, dengan izin, manakala kemudahan kadar rata bagi cukai pendapatan pula boleh dimanfaatkan dalam tempoh 5 tahun untuk mengekalkan khidmat penerima REP di Malaysia dalam jangka masa panjang.
7. Syarat kelayakan REP juga telah ditambah baik dan dinaikkan dengan set kriteria yang lebih menyeluruh untuk memastikan kualiti penerima-penerima REP. Sebagai contoh, pengalaman kerja di luar negara bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda telah dinaikkan dari 6 tahun kepada 8 tahun berserta pendapatan minimum yang setara dengan RM20,000 sebulan.

8. Tuan Yang di-Pertua,Usaha TalentCorp dalam memanfaatkan pengetahuan profesional Malaysia dari luar negara tidak hanya terhad dengan memudahcara kepulangan mereka ke tanah air. Jaringan modal insan berkemahiran tinggi iaitu *Global Malaysian Network (GMN)* juga telah diwujudkan. Jaringan ini merupakan platform yang memudahcara usaha rakyat Malaysia di luar negara untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat yang memanfaatkan golongan modal insan tempatan.
  
9. Sebagai contoh, beberapa siri perkongsian pengetahuan telah diadakan di antara pakar-pakar Malaysia di luar negara dengan organisasi serta syarikat di Malaysia seperti berikut:
  - a. Usaha sama pakar penyelidik di antara Universiti Cambridge dengan Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST);
  - b. Perkongsian pengetahuan pakar solar dari Belgium dengan syarikat semikonduktor di Pulau Pinang; dan
  - c. Usaha sama warga Malaysia yang berkhidmat di Silicon Valley dan Washington dengan agensi-agensi seperti Multimedia Development Corporation (MDeC), Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) dan Small and Medium Enterprises Corporation (SMECorp) untuk membantu meningkatkan daya saing dan membuka jaringan keusahawanan yang lebih mapan kepada syarikat-syarikat tempatan.
  
10. TalentCorp juga memainkan peranan dengan meningkatkan kesedaran mengenai peluang-peluang kerjaya yang ditawarkan di tanahair melalui program temu seru (*outreach*) serta pameran

kerjaya kepada golongan profesional dan pelajar Malaysia. Para profesional juga dihubungkan dengan majikan yang berpotensi di Malaysia melalui pelbagai platform. Pada September 2014, portal *Global Malaysian* (<http://mystarjob.com/globalmalaysians>) telah dilancarkan sebagai satu medium hebahan yang menyenaraikan peluang kerjaya di dalam negara yang disasarkan kepada profesional warga Malaysia di seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Bagi memudahcara bakat berkemahiran tinggi asing bekerja di Malaysia, TalentCorp juga bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui pemberian/kelulusan kemudahan RP-T. Sebagai tambahan kepada kejayaan program RP-T, Bahagian Khidmat Ekspatriat (*Expatriate Services Division – ESD*), JIM juga telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada bulan Julai 2014. Melalui ESD, ekspatriat dan pihak majikan tidak perlu lagi berurusan dengan pelbagai bahagian berlainan di JIM. ESD berperanan sebagai pusat sehenti kepada ekspatriat dalam menyediakan semua urusan imigresen melalui satu platform data bersepadu dan secara talian.
12. Walaupun TalentCorp lebih dikenali dengan usaha memudahkan kepulangan profesional warga Malaysia di luar negara, peranan dan usaha yang lebih besar sebenarnya diberikan untuk membangun dan memanfaatkan secara optimum bakat yang tersedia di tanahair. Sebagai contoh, melalui inisiatif peningkatan kebolehpasaran (*employability*) graduan universiti tempatan, fokus diberikan kepada 3 aspek penting iaitu untuk meningkatkan kesedaran (*awareness*),

pendedahan (*exposure*) dan kebolehpasaran. Pencapaian melalui program *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)* dan *Upskilling* dapat dilihat apabila lebih 85% daripada peserta kedua-dua program ini mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan selepas menamatkan program.

13. Selain daripada itu, TalentCorp juga giat menggalakkan kepelbagaian gender dan penyertaan dalam tenaga kerja. Melalui usaha ini, portal *Flexworklife* telah dilancarkan pada bulan Julai 2013 sebagai satu repositori idea-idea dan amalan terbaik mengenai pengaturan kerja yang fleksibel dan kemudahan yang mesra keluarga. Sehingga September 2014, lebih 70 majikan telah mengambil bahagian melalui hampir 350 iklan kerjaya separuh masa dan fleksibel.
14. Dalam mendepani cabaran *talent war*, dengan izin, yang dihadapi di peringkat global pada hari ini, TalentCorp akan terus melipatgandakan usaha melalui pelbagai pendekatan dalam melaksanakan mandat untuk memudahcara keperluan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan dalam sektor ekonomi utama negara bagi memacu ETP dalam mencapai matlamat menjadikan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SEANG  
(TEBRAU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.10.2014**

**Y.B. TUAN KHOO SEANG [ TERBAU ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kesan syarat-syarat pinjaman perumahan yang semakin ketat sehingga ramai bakal pembeli rumah tidak berjaya mendapat pinjaman dari bank-bank. Apakah kesannya terhadap usaha Kerajaan membantu rakyat jelata memiliki rumah masing-masing serta terhadap industri perumahan sendiri dan ekonomi Negara amnya.**

## JAWAPAN

1. Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bertujuan untuk menggalakkan disiplin kewangan yang mampan di kalangan isi rumah. Untuk tujuan ini, institusi kewangan perlu menilai kemampuan peminjam untuk membayar balik hutang pada kedua-dua keadaan semasa dan situasi kadar faedah pinjaman yang lebih tinggi. Ini penting bagi memastikan pinjaman tersebut tidak mendatangkan kesulitan kewangan yang tidak dijangka kepada peminjam akibat kenaikan kadar faedah pinjaman atau kejutan sumber pendapatan.
2. Bagi pembeli rumah, penilaian kemampuan ini adalah penting supaya mereka mampu memiliki harta tanah tersebut sepanjang dan selepas tempoh pinjaman, selaras dengan objektif pihak Kerajaan untuk meningkatkan tahap pemilikan rumah.
3. Dari 2011 hingga 2013, jumlah pinjaman perbankan untuk pembelian harta kediaman, termasuk pembelian rumah kali pertama dan pembelian rumah untuk pelaburan jangka panjang, merekodkan pertumbuhan tahunan purata yang mantap sebanyak 13.2% dengan nilai RM374.3 bilion pada akhir Ogos 2014 (akhir Ogos 2013: RM329.6 bilion).

- a. Jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan turut merekodkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 13.6% dari 2011 hingga 2013; dan
  - b. Bagi lapan bulan yang pertama pada tahun 2014, jumlah pinjaman perumahan yang telah diluluskan mencapai RM79.2 bilion (Januari-Ogos 2013: RM77.9 bilion).
4. Pihak Kerajaan juga giat berusaha untuk meningkatkan tahap pemilikan rumah dengan pembinaan rumah mampu milik di pelbagai lokasi strategik di seluruh negara di bawah Skim Rumah Pertamaku dan Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), di mana harga unit perumahan di bawah PR1MA dijangka sekitar 20% di bawah harga pasaran semasa.
5. Penubuhan Majlis Perumahan Kebangsaan oleh pihak Kerajaan pada tahun 2014, yang melibatkan agensi persekutuan, kerajaan negeri, Jabatan Perumahan Negara, Perbadanan PR1MA Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad dan sektor swasta, merupakan satu perkembangan penting untuk memastikan penyelarasan yang berkesan dan pelaksanaan yang tepat pada masanya dalam langkah menyediakan bekalan perumahan. Mandat Majlis tersebut termasuk menambah liputan dan kekinian data bagi memudahkan analisis perkembangan dalam pasaran harta tanah dan kesan daripada langkah yang diambil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN  
[ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin [ Kuala Nerus ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jumlah kawasan ladang getah yang telah diubah kepada kawasan pembangunan hartanah dan komersial sejak tahun 2010 hingga 2013.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan tanaman getah negara pada tahun 2013 adalah seluas 1.06 juta hektar, meningkat sebanyak 3.9% berbanding dengan keluasan sebanyak 1.02 juta hektar pada tahun 2010.

Tanaman getah di Semenanjung pada 2013 adalah seluas 706,760 hektar, menurun seluas 1,790 hektar (0.2%) berbanding dengan keluasan 708,550 hektar pada tahun 2010. Pengurangan ini berpunca antara lain dari pertukaran tanaman ke tanaman lain dan pembangunan kawasan komersil dan perumahan.

Dalam kes negeri Sabah, keluasan tanaman getah pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 18.3% ke 102,890 hektar, berbanding dengan 87,000 hektar pada tahun 2010. Negeri Sarawak juga telah mencatatkan peningkatan tanaman getah, di mana luasannya pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 5.9% ke 170,210 hektar, berbanding dengan 160,630 hektar pada tahun 2010. Peningkatan keluasan tanaman getah di negeri-negeri Sabah dan Sarawak disumbangkan oleh kawasan baru tanaman getah pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 17**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **Lisan**  
**DARIPADA** : **Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin]**  
**TARIKH** : **16 Oktober 2014 [ Khamis ]**  
**SOALAN** : **Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan tentang kemajuan projek Pembangunan Rancangan Jelapang Padi (IADA) di Rompin agar ianya boleh dijadikan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat khususnya dalam bidang sektor makanan.**

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Kawasan seluas 5,094 hektar telah dikenal pasti sebagai Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di Rompin yang boleh dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat khususnya dalam sektor makanan. Bagi meningkatkan

produktiviti di samping merealisasikan pembangunan padi secara komersial di kawasan ini, kerja-kerja pembangunan secara menyeluruh yang meliputi infrastruktur dan pengairan serta pengendalian dan penyelenggaraan akan dilaksanakan di kawasan tersebut.

Bermula bulan Januari 2013, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil langkah awal untuk menubuhkan IADA Rompin secara interim. Antara tindakan yang telah diambil adalah:

- (i) mengisi perjawatan IADA Rompin dengan menggunakan perjawatan sedia ada secara pentadbiran yang melibatkan perjawatan keseluruhan sebanyak 23 perjawatan;
- (ii) melantik pegawai dan kakitangan secara *Contract For Service* (CFS) bagi menampung kekurangan tenaga kerja yang diperlukan untuk menjalankan operasi;
- (iii) mewujudkan pejabat sementara IADA Rompin dengan menggunakan dan mengubahsuai pejabat Jabatan/Agensi sedia ada iaitu menggunakan Pejabat Pertanian Daerah Rompin.
- (iv) menguruskan perolehan aset yang merangkumi kenderaan, harta modal dan peralatan ICT.

Manakala pembangunan keseluruhan kawasan penanaman padi di IADA Rompin, Pahang akan dibuat secara berperingkat bagi tempoh 2015 hingga 2020 yang meliputi infrastruktur, pengairan dan saliran, perolehan tanah dan pembinaan kompleks pejabat.

Dengan tertubuhnya IADA Rompin ini, infrastruktur sedia ada terutamanya sistem pengairan dan saluran bagi kawasan-kawasan tersebut dapat dipertingkatkan bagi membolehkan bekalan pengairan yang lebih berkesan di keseluruhan kawasan projek.

Dengan pembukaan kawasan baharu dan peningkatan kemudahan infrastruktur jelapang padi IADA Rompin, jumlah pengeluaran padi di kawasan Rompin dijangka dapat ditingkatkan kepada 30,564 tan metrik semusim dengan sasaran purata hasil padi sebanyak 6 tan metrik sehektar menjelang tahun 2020 berbanding pada tahun 2012 iaitu hanya sebanyak 11,259 tan metrik dengan purata hasil padi sebanyak 3.7 tan metrik sehektar.

Penubuhan IADA Rompin juga akan memberi kesan positif pada produktiviti pengeluaran padi dan pendapatan pesawah padi di kawasan tersebut. Purata pendapatan pesawah pada tahun 2012 di kawasan IADA Rompin adalah sebanyak RM3,885 sehektar semusim dan dijangka meningkat kepada RM7,200 sehektar semusim menjelang tahun 2020.

Menerusi pendekatan IADA juga, corak tanaman telah berubah dimana terdapat sesetengah kawasan IADA dan jelapang padi juga sesuai ditanam dengan buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Secara tidak langsung, penubuhan IADA turut menarik minat peladang untuk menceburi bidang tanaman yang lain sebagai

tanaman sampingan sekaligus dapat mempelbagaikan sumber pendapatan peladang.

Secara keseluruhannya, penubuhan IADA dapat menyumbang kepada jaminan bekalan makanan dalam negara dan memastikan krisis bekalan makanan sepertimana yang berlaku pada tahun 2008 tidak lagi berulang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 16.10.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) dari tahun 2000 hingga 2014, bilangan pelajar menduduki STPM setiap tahun; dan**
- (b) bilangan pelajar STPM yang mendapat keputusan cemerlang iaitu PNGK/CGPA 4.0 sejak tahun 2000 hingga 2014 setiap tahun.**

**JAWAPAN**

**(a) dan (b)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 809,315 orang pelajar telah menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai tahun 2000 hingga tahun 2014.**
- (b) Bilangan pelajar STPM yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0 dari tahun 2003 hingga tahun 2013 adalah seramai 4,718 orang.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
(PULAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.10.2014**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [ PULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada kenyataan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bahawa hutang negara sudah melebihi paras siling 55 peratus baru-baru ini, benar dan berapakah sebenarnya jumlah hutang negara serta apakah usaha Kerajaan bagi mengurangkan hutang negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2014 adalah sebanyak RM568.9 bilion atau 52.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 97.1% atau RM552.7 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.2 billion atau 2.9% merupakan pinjaman luar persisir. Kedudukan hutang Kerajaan ini kekal terurus dibawah 55% daripada KDNK dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus dilaksanakan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat dan mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta berupaya melindungi ekonomi negara dari sebarang krisis.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

3. Bagi mengurangkan paras hutang, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut :

i. Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan.

ii. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;

iii. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan

dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran.

- iv. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah; dan
- v. Kerajaan komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
BAGI DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 20**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah bilangan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) mengikut negeri-negeri dan berapakah peruntukan sejak tahun 2010 hingga 2013.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) mempunyai seramai 1,046 warga kerja yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang dilantik secara tetap dan kontrak mengikut syarat lantikan yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Jumlah pegawai dan kakitangan JASA mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PEGAWAI/ KAKITANGAN (ORANG)</b>
1.	Ibu Pejabat	87
2.	Johor	92
3.	Kedah	60
4.	Kelantan	72
5.	Melaka	43
6.	Negeri Sembilan	53
7.	Pahang	68
8.	Perak	96
9.	Perlis	24
10.	Pulau Pinang	60
11.	Sabah	100
12.	Sarawak	117
13.	Selangor	89
14.	Terengganu	51
15.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	30
16.	Wilayah Persekutuan Labuan	4
<b>JUMLAH</b>		<b>1,046</b>

Jumlah peruntukan yang diterima JASA dari tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
2010	54,860,400.00
2011	66,020,891.00
2012	68,749,112.00
2013	73,792,305.00

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 21**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah-langkah menaik taraf Pelabuhan Sandakan seiring dengan penambahan kegiatan ekonomi termasuk pembangunan industri hiliran kelapa sawit di Klaster Industri Kelapa Sawit (Palm Oil Industrial Cluster, POIC) di Sandakan:-**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pelabuhan-pelabuhan di negeri Sabah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri tersebut.

Pelabuhan-pelabuhan di negeri ini termasuk Pelabuhan Sandakan adalah dikawal selia oleh Lembaga Pelabuhan Sabah yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah. Oleh itu, perancangan pembangunan Pelabuhan Sandakan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM**  
**TARIKH : 16.10.2014 (KHAMIS)**  
**[ KOTA MELAKA ]**

**TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (a) berikutan terdapat berapa buah syarikat diberi kuasa untuk mengutip dan mengeluarkan lesen "Public Performance" nyatakan skop dan definisi " Public Performance " lesen ini; dan
- (b) adakah syarikat-syarikat ini diberi kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan seperti mengeluarkan saman atau merampas barangan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

PRISM Berhad telah diisytiharkan sebagai sebuah Badan Pelesenan atau badan menjalankan kutipan royalti mewakili ahli-ahlinya yang terdiri daripada golongan penyanyi dan pemuzik rakaman bunyi pada 1 Julai 2013. Perisytiharan PRISM Berhad sebagai sebuah badan pelesenan dibuat oleh Pengawal Hak Cipta, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dibawah peruntukan Seksyen 27A, Akta Hak Cipta 1987. Berikutan dengan perisytiharan ini, PRISM Berhad dibenarkan menjalankan kutipan royalti ke atas mana-mana orang dan premis perniagaan yang memainkan lagu karya berhakcipta di sesebuah premis perniagaan.

Asas kutipan royalti ini dibuat adalah merujuk kepada hak seseorang pelaku iaitu penyanyi atau pemuzik hak cipta yang menjadi ahli kepada PRISM Berhad untuk memperolehi imbuhan terhadap hasil karya muzik atau lagu yang dimainkan melalui radio atau media lain dalam konteks penyampaian kepada orang awam atau *public performance* dengan izin.

Berhubung dengan penggunaan lagu atau memainkan muzik untuk kegunaan sendiri, Akta Hak Cipta 1987 telah memberi pengecualian kepada penggunaan mana-mana karya berhakcipta untuk kegunaan persendirian. Manakala, siaran bagi artis yang bukan menjadi ahli kepada PRISM Berhad, pihak PRISM Berhad atau wakilnya tiada hak menjalankan kutipan royalti melainkan pemunya karya berhakcipta itu sendiri menjalankan kutipan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 9 September 2014, pertemuan yang diadakan oleh pihak Kementerian bersama kesemua

Badan Pelesenan telah turut memberi pengecualian bayaran yuran royalti kepada premis perniagaan kecil. Pihak Kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Badan Pelesenan terlibat di atas pertimbangan yang diberikan. Pihak kami juga berharap mana-mana premis perniagaan di bawah kategori ini yang merasakan perniagaan mereka perlu dikecualikan dari bayaran royalti bolehlah berunding dengan badan-badan pelesenan ini terutamanya yang menggunakannya untuk kegunaan sendiri dan bukan bertujuan memainkan radio untuk komersial dan menarik pelanggan yang boleh dianggap sebagai penyampaian kepada orang awam atau *public performance* dengan izin.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN NOGEH ANAK GUMBOK  
[ MAS GADING ]**

**TARIKH : 16.10.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Nogeh anak Gumbek [ Mas Gading ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk membina sebuah sekolah menengah di kawasan Jagoi, Bau. :**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. Dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru, salah satu aspek yang diberi keutamaan oleh KPM adalah membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi masalah sekolah kurang murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak menerima permohonan berkaitan cadangan untuk membina sekolah menengah baharu di kawasan Jagoi, Bau, Sarawak. Namun, Kementerian akan meneliti dengan lebih lanjut akan perkara ini dan sekiranya terdapat justifikasi kukuh, cadangan pembinaan sekolah menengah di kawasan tersebut akan diteliti dalam permohonan RMKe-11 mengikut keutamaan.

RJM52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[ SIBU ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah kerajaan akan membetulkan fakta sejarah iaitu hari 31 Ogos 1957 merupakan hari kemerdekaan bagi Persekutuan Malaya, 16 September 1963 adalah merupakan Hari Kebangsaan Malaysia.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenanjung Tanah Melayu memperoleh kemerdekaannya dari Kerajaan British pada 31 Ogos 1957 dan pada 16 September 1963, sebuah negara baharu yang dinamakan Malaysia telah dibentuk. Penubuhan Malaysia merakamkan satu detik perubahan pada kedudukan geo-politik rantau Kepulauan Melayu apabila beberapa buah negeri dan wilayah ini bergabung di bawah satu pentadbiran.

Sejarah mencatatkan bahawa 16 September 1963 adalah tarikh rasmi pembentukan Malaysia. Walau bagaimanapun berdasarkan bukti dokumen yang ada di Arkib Negara Malaysia, tarikh 31 Ogos adalah tarikh yang telah dicadangkan dan dipersetujui bersama oleh Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk memberi kemerdekaan kepada Sabah dan Sarawak melalui pembentukan Malaysia.

Sebagai contoh, umum mengetahui bahawa Amerika Syarikat yang terdiri daripada 50 buah negeri menyambut Hari Kemerdekaan mereka pada 4 Julai setiap tahun. Walau bagaimanapun semasa deklarasi kemerdekaan tersebut dibuat, Amerika Syarikat hanya mempunyai 13 buah negeri sahaja ketika mengisytiharkan kemerdekaannya daripada British pada 4 Julai 1776. Kemudiannya, daripada 13 negeri ini Amerika Syarikat berkembang menjadi 50 buah negeri bersatu seperti yang ada pada hari ini dengan negeri terakhir iaitu Hawaii yang menyertai Amerika Syarikat pada tahun 1959. Semenjak itu, keseluruhan Amerika Syarikat telah meraikan 4 Julai sebagai tarikh kemerdekaan yang rasmi sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua,

YAB. Perdana Menteri Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak, semasa sambutan Hari Malaysia di Miri pada 16 September 2014 yang lalu, telah mengumumkan bahawa mulai tahun hadapan, sambutan Hari Kemerdekaan akan diselaraskan di seluruh negara iaitu pada 31 Ogos tanpa lagi menyatakan bilangan tahun kemerdekaan diraikan. Tarikh 16 September sebagai sambutan Hari Malaysia akan tetap diadakan pada setiap tahun.

Oleh yang demikian, kenyataan YAB. Perdana Menteri mengenai penyelarasan tarikh 31 Ogos sebagai sambutan Hari Kemerdekaan adalah bertepatan sekali, manakala sambutan Hari Malaysia pada tarikh 16 September akan terus diraikan sebagai mengenang pembentukan negara Malaysia yang merdeka lagi berdaulat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI  
[ TITIWANGSA ]**

**TARIKH : 16.10.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan Sekolah Kebangsaan agar semua kaum memilih sekolah kebangsaan sebagai pilihan pertama untuk menghantar anak-anak mereka.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sasaran jangka panjang Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan (SK) sebuah pusat kecemerlangan pendidikan daripada semua segi seperti prasarana, disiplin dan keselamatan murid, pencapaian kokurikulum dan sukan, penguasaan teknologi komunikasi dan maklumat (TMK), kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Teras Memperkasakan Sekolah Kebangsaan diperkenalkan supaya SK kekal sebagai sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Tumpuan memperkasakan SK diberikan kepada sekolah rendah kerana sekolah ini mempunyai peranan penting sebagai tapak untuk menyemai dan memupuk perpaduan di antara kaum daripada peringkat awal persekolahan

Sebagai langkah untuk memartabatkan SK sebagai aliran pilihan utama dalam kalangan ibu bapa, mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil telah diperkenalkan di SK. Dalam konteks ini, kepelbagaian kemahiran berbahasa dapat diperkasakan di SK di samping membantu meningkatkan keupayaan berintegrasi di antara kaum, yang bertepatan dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan konsep 1Malaysia.

Sebagai usaha memantapkan elemen rohani, program j-QAF turut diperkenalkan di SK dan dapat menarik lebih ramai ibu bapa Islam menghantar anak ke SK yang selama ini dikatakan kurang penekanan terhadap pendidikan Agama Islam.

KPM juga sedang giat berusaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian SK melalui pelaksanaan beberapa inisiatif bagi merealisasikan hasrat ini supaya selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, antaranya:

- a) Program Transformasi Daerah (DTP).
- b) Sarana Peningkatan Prestasi Sekolah Untuk Sekolah Kurang Murid (SKM).
- c) Perjawatan *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+).
- d) Perjawatan *School Improvement Partners* (SIP+).
- e) Pelaksanaan Sarana Ibu Bapa, Sekolah dan Swasta.
- f) Penetapan KPI Akademik dan Dialog Prestasi Akademik.
- g) Pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional (MMI).
- h) Amalan Budaya Sekolah Penyayang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI  
[ CHERAS ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan kedudukan semasa hal ehwal semua insinerator sedia ada di negara ini. Adakah cadangan projek-projek insinerator di Kuala Lumpur, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan akan dilaksanakan. Jika ya, nyatakan kemajuannya.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membina empat (4) Loji Mini Insinerator yang berkapasiti antara 15 tan hingga 100 tan sehari sisa pepejal di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Pulau Tioman dan Cameron Highlands. Tiga dari insinerator tersebut telah beroperasi manakala insinerator di Pulau Tioman masih dalam proses pengeluaran *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC) sebelum diserahkan kepada operator yang dilantik.

Bagi pembinaan loji *Waste to Energy* (WtE) di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Kepong, Kuala Lumpur pula, projek ini telah **ditender secara terbuka antarabangsa** melalui proses *Pre Qualification Questionnaire* (PQQ) pada 27 Januari 2014 dan telah ditutup pada 28 April 2014. Empat (4) petender yang berjaya disenarai pendek di peringkat PQQ telah dipelawa ke peringkat *Request For Proposal*

(RfP) melalui surat tawaran yang dikeluarkan oleh Unit Kerjasama Awam dan Swasta, (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 8 Ogos 2014. Keempat-empat petender tersebut perlu mengemukakan dokumen RfP yang telah lengkap diisi selewat-lewatnya pada 10 November 2014 jam 12.00 tengah hari. Pada masa ini juga, Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah melantik perunding untuk menyediakan Kajian Penilaian Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) bertujuan bagi memastikan kelestarian alam sekitar kekal terpelihara.

Manakala bagi pembinaan loji WtE di Melaka dan Johor pula, Kementerian telah memohon peruntukan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk melaksanakan kedua-dua projek ini dalam tahun 2015. Bagi cadangan projek WtE di Negeri Sembilan, pelaksanaan projek ini masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan sedar, ramai orang tidak berpuas hati dengan cara agihan wang zakat, bagaimanakah cara agihan wang kutipan zakat dibuat. Dan siapakah di antara kumpulan masyarakat yang telah menerima bantuan zakat.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti agihan zakat adalah berbeza mengikut setiap negeri berdasarkan dasar dan pertimbangan pihak berkuasa agama negeri masing-masing dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan dalam perkara berkenaan.

Berhubung persoalan **bagaimana agihan zakat dibuat**, suka untuk saya mengambil contoh di Wilayah Persekutuan yang diletakkan di bawah saya

sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), di mana MAIWP merupakan agensi yang menguruskan dana zakat. Kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP) manakala agihan zakat dilaksanakan oleh MAIWP melalui Bahagian Baitulmal.

Zakat yang dipungut kemudiannya diagihkan kepada lapan golongan asnaf sepertimana yang ditetapkan oleh syara' iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, ar-rigab, al-gharimin, ibnu sabil dan fisabilillah. Oleh itu, mereka yang termasuk dalam golongan asnaf akan layak menerima bantuan zakat daripada MAIWP.

Pengagihan zakat di Wilayah Persekutuan secara umumnya dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu secara langsung dan secara tidak langsung. Melalui agihan secara langsung, golongan asnaf akan menerima bantuan-bantuan menerusi skim-skim bantuan yang merangkumi aspek keperluan asasi, pendidikan, keusahawanan, kebajikan dan dakwah. Sehingga kini, terdapat 28 skim bantuan yang disediakan oleh MAIWP.

Agihan secara tidak langsung pula dilaksanakan MAIWP melalui penubuhan dan pembangunan infrastruktur dan prasarana yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa panjang. Antaranya dalam bidang pendidikan, MAIWP telah membangunkan Institut Kemahiran Baitulmal, Institut Profesional Baitulmal, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) dan Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS).

Dalam aspek perlindungan dan kebajikan, wang zakat telah digunakan untuk membangunkan beberapa kompleks seperti Darul Kifayah untuk anak-anak

yatim termasuk anak-anak asnaf fakir & miskin dan Dar Assaadah untuk wanita yang terjebak dalam gejala sosial.

Menyedari akan keperluan memberikan perlindungan dan bimbingan kepada golongan muallaf, MAIWP kini sedang membangunkan kompleks Darul Hidayah yang akan dapat memberikan bimbingan secara intensif kepada golongan ini. MAIWP juga turut memanfaatkan wang zakat yang diterima dengan menubuhkan Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1 Malaysia MAIWP- Hospital Putrajaya, Pusat Pembedahan Katarak MAIWP-Hospital Selayang dan Kedai Rakyat MAIWP. Penubuhan kemudahan-kemudahan ini telah mendatangkan manfaat dan memberi kemudahan yang besar kepada masyarakat khususnya umat Islam.

Wang zakat di Wilayah Persekutuan juga turut digunakan bagi membiayai pembayaran elaun guru-guru Sekolah Rendah Agama, KAFA dan elaun Imam Ratib, Pembantu Bilal Dan Pembantu Noja Masjid dan Surau Jumaat, pengimaran masjid dan surau di Wilayah Persekutuan, saguhati kepada asnaf muallaf yang baru memeluk Islam, dan menaiktaraf infrastruktur umat Islam seperti masjid, surau, sekolah rendah agama dan tanah perkuburan.

Secara umum, usaha-usaha pengagihan zakat yang dilaksanakan adalah diterima baik oleh masyarakat. Ini dapat dilihat daripada peningkatan kutipan zakat dari tahun ke tahun, antaranya disebabkan oleh keyakinan para pembayar zakat terhadap aktiviti agihan zakat yang telah dilaksanakan. Agensi-agensi pemantau seperti Jabatan Audit Negara juga berpuas hati dengan pencapaian dan pengurusan kewangan MAIWP di mana MAIWP telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2011 dan sijil bersih bagi Penyata Kewangan MAIWP 8 tahun berturut-turut sejak tahun 2006.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN**  
**[ NIBONG TEBAL ]**  
**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah hospital yang dalam urusan pengoperasian mereka mengamalkan tuntutan syari'e (*syariah compliance*) mengikut pecahan negeri di seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Semua 143 buah hospital Kerajaan di seluruh negara sememangnya mengamalkan dan menerap nilai-nilai murni di dalam operasi harian di hospital dengan mengambil kira perkara berikut:

**a) Ubat-Ubatan, Vaksin Serta Makanan;**

Majoriti ubat-ubatan dan setiap hidangan makanan yang diberikan kepada pesakit dipastikan halal dan disahkan oleh JAKIM dan terjamin selamat. Bagi ubatan yang mempunyai sumber tidak halal, pesakit diberi pilihan untuk menentukan keperluan masing-masing.

**b) Penempatan Pegawai-pegawai Agama Di Hospital;**

Pegawai-pegawai agama yang ditempatkan di hospital-hospital memberi bimbingan kerohanian dan menggalakkan penerapan unsur doa, memperdengarkan azan kepada bayi yang baru lahir, mengajarkan pesakit cara bertayamum dan solat, dan lain-lain amalan sebagai sebahagian dari proses pemulihan dan rawatan.

**c) Kebenaran Untuk Suami Menemani Isteri Semasa Proses Bersalin;**

Terdapat kemudahan lain yang disediakan seperti bilik bersalin yang memberikan privasi untuk suami menemani isteri semasa proses bersalin, bilik solat, balai pelawat serta wad berasingan lelaki dan wanita.

**d) Seminar dan Pendidikan Kesihatan; dan**

Pihak hospital ada mengadakan seminar kepada orang ramai dan warga kerja hospital seperti penjagaan kesihatan dalam bulan Ramadan dan seminar berkaitan perubatan dan Islam.

**e) Perkhidmatan Berpaksikan Pelanggan.**

Perkhidmatan perubatan yang diberikan adalah berpaksikan pelanggan bagi memastikan pelanggan diberi layanan berkualiti yang mesra, prihatin dan selamat. Ini termasuklah amalan etika perubatan yang baik, kerahsiaan pesakit, *chaperon*, serta membudayakan nilai-nilai murni, *soft skills*, mengamalkan budaya korporat seperti budaya penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 29**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah wujud badan yang berfungsi untuk mengawal selia sekolah memandu di seluruh Malaysia. Jika tiada, adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkannya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan sememangnya telah mempunyai badan/institusi yang berfungsi untuk mengawalselia operasi Institut Memandu (IM) / Sekolah memandu (SM) di seluruh negara. Badan tersebut dikenali sebagai Jawatankuasa Pelesenan Institut Memandu (JKPIM) Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Sekolah Memandu) 1992. JKPIM tersebut dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan dan dianggotai oleh wakil Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, wakil Ketua Polis Negara, Wakil Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) dan Wakil Bahagian Pelesenan Pemandu, Ibu Pejabat JPJ sebagai urusetia utama.

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang kuasa JKPIM sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Sekolah Memandu) 1992 adalah seperti berikut:

- (i) melulus dan memberi semua permohonan untuk permit-permit dan mengenakan sekatan-sekatan ke atas kawasan-kawasan beroperasi sebagaimana yang dipertimbangkan patut;

- (ii) menentukan bilangan permit, sijil kenderaan dan sijil pengajar yang akan dikeluarkan dari masa ke masa;
- (iii) mengeluarkan jenis permit yang berbeza-beza kepada institusi atau sekolah memandu; dan
- (iv) membatalkan atau menggantung permit dan mengenakan syarat-syarat ke atas permit dan sijil-sijil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7146**

**SOALAN:**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kekosongan jawatan dalam PDRM setiap tahun dari 2008 hingga kini di setiap negeri dan di Sibuan dan apakah cara yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekosongan tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah kekosongan pegawai dan anggota PDRM mengikut tahun adalah seperti berikut:**

<b>TAHUN</b>	<b>KEKOSONGAN</b>
<b>2008</b>	<b>5,692</b>
<b>2009</b>	<b>4,144</b>
<b>2010</b>	<b>1,835</b>
<b>2011</b>	<b>1,805</b>
<b>2012</b>	<b>3,911</b>
<b>2013</b>	<b>5,848</b>
<b>2014</b>	<b>8,642</b>

**Nota : Statistik kekuatan PDRM berakhir 31 Ogos 2014.**

**Manakala kekosongan di SibU sebanyak 49 orang, iaitu perjawatan 603 orang berbanding kekuatan 554 orang.**

**Pihak PDRM secara proaktif membuat pengambilan untuk mengatasi kekosongan ini. Pengambilan dibuat secara perancangan untuk jangka pendek dan jangka panjang. PDRM mendapat penambahan**

**perjawatan uniform yang banyak untuk tahun 2014 iaitu berjumlah 4,992 perjawatan.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 16.10.2014**

**SOALAN :**

Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengenai usaha Kerajaan untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (Unified Examination Certificate/UEC) serta bilakah ia akan diiktiraf sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, *Unified Examination Certificate* (UEC) diberikan kepada para pelajar yang menduduki *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh *United Chinese School Commitees' Association of Malaysia* (UCSCAM) dan *United Chinese School Teachers' Association of Malaysia* (UCSTAM) tanpa **melibatkan badan pengiktirafan yang dilantik oleh Kerajaan**. Sijil ini dikeluarkan oleh Sekolah-sekolah Persendirian Cina yang menggunakan kurikulum yang dibangunkan sendiri dan tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang ditetapkan oleh Akta Pendidikan 1996 serta bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama.

Berdasarkan kepada kedudukan di atas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mengiktiraf sijil tersebut kerana persijilan yang dikeluarkan secara bersendirian dan bukan dikendalikan oleh KPM.

RJM55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT) akan dilaksanakan dan apakah penambahan tarif hasil dari ICPT tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT) adalah diwujudkan di bawah kerangka *Incentive Based Regulation* (IBR). Ia meliputi kos kenaikan harga gas berpaip, kenaikan harga gas cecair asli (LNG) yang diimport dan juga kos-kos penjanaan elektrik yang lain. Prinsip ICPT adalah untuk melepaskannya kepada para pengguna melalui tarif elektrik yang dikenakan. Kenaikan kerana ketidakcekapan tidak tergolong dalam mekanisme ini dan tidak boleh dilepaskan kepada pengguna.

2. Namun begitu, sebagai Kerajaan yang bertanggung jawab dan peka terhadap kebajikan rakyat, Kerajaan akan menerokai pelbagai kaedah supaya ICPT ini tidak dilepaskan kepada rakyat sewenang-wenangnya. Umpamanya, Kerajaan akan menggunakan hasil penjimatan daripada rundingan perjanjian pembelian tenaga (*PPA saving*), dengan izin, bagi menampung kos ICPT tersebut. Dalam pada

itu, Kerajaan akan memastikan sebarang pelepasan kos ICPT tidak dikenakan kepada golongan berpendapatan rendah.

3. Sehubungan ini, Kerajaan telah memutuskan supaya para pengguna domestik seramai 4.56 juta orang yang menggunakan elektrik sebanyak 300kWj kebawah tidak terlibat dengan kenaikan tarif elektrik. Di samping itu, Kerajaan juga terus membantu dengan memberikan rebat kepada pengguna-pengguna yang menggunakan elektrik berjumlah RM20 dan kebawah sebulan sehingga 31 Disember 2014.

\*\*\*\*\*

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P  
PATTO  
[ BATU KAWAN ]  
DAP**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014, KHAMIS**

**SOALAN : 33**

Minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan hasrat Kerajaan untuk menyerap masuk pelajar dari etnik lain ke dalam MARA dan jika tidak adakah Kerajaan akan menubuhkan satu agensi seperti MARA bagi pelajar-pelajar dan rakyat Malaysia dari latar belakang etnik yang lain.

## **JAWAPAN :**

### **Tuan Yang Di-Pertua,**

MARA telah melaksanakan pengambilan pelajar ke Institusi Pendidikan MARA (IPMa) seperti Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), German Malaysian Institute (GMI) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) bagi pelajar daripada etnik lain (bukan Bumiputera) dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Peluang 10% daripada jumlah keseluruhan pelajar dibuka kepada pelajar bukan Bumiputera mengikut dasar pengambilan pelajar yang telah ditetapkan.

Bagi pengambilan pelajar tahun 2014, MARA telah memberi peluang kepada pelajar bukan Bumiputera menyambung pengajian di IPMa seperti berikut :

- i. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) – 386 orang
- ii. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) - 452 orang
- iii. German Malaysian Institute (GMI) - 146 orang
- iv. Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) - 178 orang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 16.10.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Sekolah Wawasan yang telah diwujudkan mengikut negeri dan sejauh manakah Sekolah Wawasan ini telah berjaya mencapai objektif penubuhannya untuk mewujudkan sistem persekolahan berteraskan konsep perpaduan serta adakah Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan lagi Sekolah Wawasan sebagai usaha untuk mewujudkan integrasi nasional dan melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak enam (6) Kompleks Sekolah Wawasan yang telah diwujudkan di seluruh negara iaitu dua (2) buah di negeri Perak dan masing-masing sebuah di negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Kesemua sekolah ini menjalankan aktiviti bersama-sama dalam usaha mencapai objektif penubuhannya iaitu mewujudkan perpaduan seperti perhimpunan bersama sebulan sekali, berkongsi padang dan kantin,

menjalankan temasya sukan tahunan, sambutan Hari Kebangsaan dan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).

Sekolah Wawasan ini telah berjaya mencapai objektif penubuhannya untuk mewujudkan sistem persekolahan berteraskan konsep perpaduan di mana:-

- a) Murid-murid dari ketiga-tiga aliran sekolah tersebut dapat berkomunikasi antara satu sama lain dalam bahasa Malaysia.
- b) Murid-murid dapat memahami dan menghayati budaya dan makanan kaum lain.
- c) Para guru dapat bertukar-tukar idea dan pandangan antara satu sama lain untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran ke arah peningkatan akademik murid.

Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak berhasrat untuk memperluaskan konsep ini kerana tidak mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada masyarakat Cina. Dalam enam (6) buah sekolah wawasan yang diwujudkan hanya satu (1) sahaja yang dapat penyertaan daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Sehubungan itu, KPM akan menilai dan mengkaji secara terperinci berkaitan dengan integrasi nasional ini jika Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan konsep ini pada masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
[ Pengerang ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sejauh manakah perancangan Kementerian untuk melaksanakan pembangunan perumahan di tanah-tanah Kerajaan di Parlimen Pengerang dengan harga terkawal serta menetapkan kuota Bumiputera dimana langkah ini adalah penyelesaian kepada keperluan perumahan yang mendesak akibat kemasukan tenaga pekerja yang tinggi.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dan sedang melaksanakan pembinaan 1 Juta Rumah Mampu Milik di seluruh negara termasuk di negeri Johor. Buat masa ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya menumpukan pada projek Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi golongan berpendapatan rendah yang dibina di tanah-tanah Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri boleh memainkan peranan bersama untuk melaksanakan pembangunan perumahan mampu milik termasuklah di Negeri Johor.

Penetapan kuota bumiputera adalah di bawah bidang kuasa dan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dan ianya berbeza dalam setiap pemajuan projek perumahan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
KAWASAN : PARIT SULONG  
TARIKH : 16.10.2014 (KHAMIS)  
NO. SOALAN : 36

YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan penambahbaikan yang akan dilaksanakan di bawah rundingan kerjasama komprehensif ekonomi serantau (RCEP) berbanding dengan perjanjian perdagangan bebas yang sedia ada dengan ASEAN serta rakan dialog ASEAN.

**JAWAPAN:**

Tuan yang Di Pertua,

1. Salah satu tonggak Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 adalah integrasi ekonomi ASEAN ke dalam ekonomi global selain daripada memperkukuhkan daya saing ASEAN sebagai pusat pengeluaran. Integrasi ASEAN dengan rakan-rakan perdagangan adalah amat penting untuk memastikan rantau ini mendapat akses pasaran bagi produk-produk yang dihasilkan.

2. Sehubungan dengan ini, ASEAN telah mengambil langkah untuk merunding dan memuktamadkan 5 Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreements – FTAs*) dengan 6 negara iaitu Republik Rakyat China (2004), Republik Korea (2006), Jepun (2008), India (2009), Australia dan New Zealand (2009). Perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN Campur Satu (ASEAN+1 FTAs) ini telah dilaksanakan di mana semua negara ahli telah mengambil langkah untuk mengurang dan memansuhkan duti import berdasarkan komitmen yang dipersetujui. Pada masa yang sama, negara-negara tersebut juga telah mula meliberalisasikan sektor perkhidmatan dan pelaburan.

3. ASEAN dan negara-negara Rakan FTA telah menilai keberkesanan integrasi ekonomi di bawah ASEAN+1 FTAs dan berpandangan bahawa integrasi ekonomi yang lebih luas adalah perlu bagi memperkukuhkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan, sekaligus membawa manfaat kepada perkembangan ekonomi serantau. Selepas penelaian teliti, ASEAN dan negara-negara Rakan FTA telah bersetuju untuk mewujudkan Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership – RCEP*). Oleh yang demikian, pada November 2012, kesemua 16 negara iaitu ASEAN, Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun, Australia, New Zealand dan India bersetuju untuk memulakan rundingan RCEP.

Tuan yang Di Pertua,

4. Melalui RCEP ini, negara-negara ahli akan mendapat manfaat melalui:

- (i) penyelarasan peraturan-peraturan dan prosedur yang pada masa ini berbeza di bawah setiap ASEAN+1 FTAs. Sektor swasta berpandangan bahawa perbezaan ini menyebabkan kerumitan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikut prosedur yang berlainan bagi setiap ASEAN+1 FTAs. Ini melibatkan kos tambahan dan masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan;
- (iii) perolehan bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah serta boleh digunakan dalam perkiraan bagi pematuhan kepada Peraturan Tempasal (*Rules of Origin – ROO*). ROO merupakan penentu sama ada produk yang dihasilkan dapat menggunakan bahan mentah dan input daripada negara-negara ahli RCEP. Ini adalah penting untuk memastikan aktiviti pengeluaran dilaksanakan dalam negara-negara RCEP;
- (iv) integrasi syarikat-syarikat di rantau ini dalam rantaian nilai global (*global supply chain*) yang merupakan satu kemestian dalam syarikat-syarikat rantau ini untuk lebih

kompetitif di peringkat antarabangsa serterusnya menjadi syarikat bertaraf global (*global players*); dan

- (v) penglibatan negara Republik Rakyat China dan India yang kini mengamalkan dasar ekonomi terbuka akan memberi peluang bagi Malaysia dan lain-lain negara ASEAN untuk memperluaskan eksport barangan dan perkhidmatan di kedua-dua pasaran berkenaan; dan
- (vi) akses dan liberalisasi pasaran yang lebih tinggi berbanding dengan komitmen yang sedia ada di bawah kerangka ASEAN+1 FTAs. Bagi Malaysia, ini adalah amat penting kerana terdapat pasaran-pasaran eksport yang masih belum dibuka sepenuhnya kepada produk-produk kepentingan eksport Malaysia.

5. RCEP akan merangkumi lebih 3.3 bilion penduduk dunia, iaitu hampir separuh populasi global dengan lebih 40% jumlah dagangan dunia. Berdasarkan statistik Bank Dunia, pada tahun 2013, gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara RCEP juga adalah bernilai USD21.4 trillion iaitu 28.6% daripada jumlah keseluruhan KDNK global. Penglibatan Malaysia dalam RCEP ini akan membolehkan Malaysia menjadi negara pedagang yang utama di dunia.

Tuan yang Di Pertua,

6. Rundingan RCEP akan berlandaskan ASEAN+1 FTAs sedia ada dengan negara-negara tersebut. RCEP merupakan inisiatif yang diketuai oleh negara-negara ASEAN dan disasarkan untuk dimuktamadkan pada akhir 2015 sewaktu Malaysia mempengerusikan ASEAN. Dari tahun 2013 sehingga kini, sebanyak 5 pusingan rundingan telah dijalankan. RCEP bukanlah satu perjanjian perdagangan bebas yang baru, tetapi satu usaha untuk memastikan perjanjian yang ada kekal relevan dan sesuai persekitaran perniagaan kini.

7. Rundingan RCEP akan melibatkan skop Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, e-Dagang, Kerjasama Ekonomi dan Teknikal, Polisi Persaingan dan Hak Harta Intelek. RCEP juga memberi tumpuan khas kepada pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang mewakili lebih 90% daripada jumlah perusahaan di ASEAN.

8. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang secara berterusan mengadakan secara berterusan mengadakan konsultasi dengan sektor swasta dan lain-lain *stakeholders* untuk memastikan kepentingan Malaysia diambil kira dan dilindungi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah usaha yang telah digiatkan oleh Islamic Tourism of Malaysia dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat pelancongan Islam yang mesti dikunjungi.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Islamic Tourism Centre (ITC) sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang bertanggungjawab membangunkan sektor pelancongan Islam negara telah mengambil banyak inisiatif bagi mempromosikan Pelancongan Islam di Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 2009.

Sejak pertama kali sektor pelancongan Islam atau mesra Muslim dikenal pasti sebagai salah satu pemangkin kepada ekonomi Islam global yang berpotensi, nama Malaysia telah melonjak ke arena antarabangsa sebagai salah satu destinasi yang paling digemari oleh pelancong-pelancong Islam di seluruh dunia.

Kejayaan Malaysia di sektor pelancongan Islam diiktiraf oleh CrescentRating, sebuah portal pelancongan Halal berpangkalan di Singapura yang telah menjalankan kajian *online* bersama-sama dengan Dinar Standard, sebuah firma penyelidikan dari Amerika Syarikat.

Kajian tersebut menobatkan Malaysia sebagai destinasi nombor satu paling mesra Muslim selama 4 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014. Malaysia telah mendahului negara-negara seperti

Emieriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Turki dan Indonesia apabila diukur melalui beberapa kriteria penting.

Kedatangan pelancong Islam ke Malaysia pada tahun 2013 dianggarkan seramai 5.2 juta orang berbanding 1.3 juta pada tahun 2000. Kenaikan jumlah pelancong Islam ke Malaysia juga telah memberi kesan yang positif kepada sektor MICE dengan bertambahnya persidangan ekonomi Islam bertaraf global seperti Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) yang masuk edisi ke 10 tahun ini, World Islamic Economic Forum (WIEF), World Halal Conference (WHC) dan Islamic Fashion Festival.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi misi ITC untuk memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi mesra Muslim nombor satu di dunia untuk masa-masa akan datang. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang giat dijalankan oleh ITC adalah seperti berikut:

- i) Penerbitan Pelan Induk Pembangunan Pelancongan Islam di Malaysia yang telah siap pada tahun 2013;
- ii) Mengendalikan sebanyak 26 bengkel dan seminar bagi pembangunan kapasiti penggiat industri bagi meningkatkan kefahaman dalam mengaplikasikan konsep mesra Muslim di produk dan perkhidmatan mereka;

- iii) Bekerjasama dengan organisasi-organisasi Luar Negara seperti penganjuran “Joint Seminar on Islamic Tourism (JoSIT)” pada 17-18 Februari 2014 lalu dengan Indonesia dan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) bagi 40 peserta dari 24 buah negara ASEAN dan Organisation of Islamic Cooperation (OIC) pada 8-20 Jun 2014 dan 1- 12 September 2014;
- iv) Pelancaran laman web baru ITC pada 17 Februari, 2014 yang mengandungi maklumat-maklumat penting seperti direktori produk-produk pelancongan mesra Muslim di Malaysia melalui [www.itc.gov.my](http://www.itc.gov.my); dan
- v) Penerbitan pakej pelancongan dan kolateral promosi seperti kompilasi pakej-pakej pelancongan Islam, buku “Mosque Trails in Malaysia”, risalah “Muslim Friendly Malaysia” dan paling terbaru risalah “Guide to Islamic Festivals in Malaysia

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI**  
**[ LABUAN ]**  
**TARIKH : 16 OKTOBER (KHAMIS)**  
**SOALAN :**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk membuat penurunan kuasa (empowerment) yang ketara dan menyeluruh di dalam pentadbiran Negara untuk meningkatkan kecepatan penyampaian perkhidmatan seperti ; penurunan belanjawan ke unit yang paling bawah seperti JKKK, dan penurunan kuasa kepada negeri dan daerah bagi pelaksanaan pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan kini giat berusaha untuk memodenkan semua urusan yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Beberapa inisiatif baharu telah diperkenalkan di samping mempertingkatkan lagi usaha-usaha perluasan inisiatif sedia ada. Antara inisiatif berkenaan ialah merakyatkan perkhidmatan awam dan merekayasa proses penyampaian perkhidmatan dengan teknologi maklumat dan komunikasi menjadi pemudah cara bagi memudahkan rakyat dan komuniti perniagaan berurusan dengan kerajaan.

Penglibatan rakyat dan komuniti perniagaan di peringkat akar umbi telah dirangkumkan di bawah inisiatif merakyatkan perkhidmatan awam melalui program turun padang, lawat dan lunas dan kolaborasi dengan pelbagai jawatankuasa, badan dan pertubuhan peringkat tempatan termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), badan-badan bukan kerajaan, badan-badan berasaskan komuniti dan perniagaan serta pertubuhan-pertubuhan peringkat tempatan bagi membolehkan kerajaan mendengar keluhan rakyat dan merasai denyut nadi rakyat secara lebih dekat.

Program perekayasaan proses penyampaian perkhidmatan dilaksanakan bagi mengurangkan halangan dan rintangan rakyat untuk berurusan dengan kerajaan

di samping memudahkan komuniti perniagaan menjalankan perniagaan dengan menambah baik peraturan atau menghapuskan proses dan prosedur yang tidak perlu supaya tidak membebankan rakyat.

Sehingga April 2014, sebanyak 1,845 perkhidmatan telah direkayasa proses penyampaian perkhidmatan. Aspek perekayasaan ini mengambil kira elemen penurunan kuasa untuk meluluskan lesen, permit dan kelulusan lain dikuatkuasakan di bawah peraturan yang termaktub di bawah agensi-agensi yang berkaitan sama ada di peringkat persekutuan, negeri mahupun pihak berkuasa tempatan. Peraturan, proses dan prosedur penyampaian perkhidmatan telah dimansuh atau ditambah baik bagi membolehkan elemen penurunan kuasa dari peringkat tertinggi ke peringkat yang lebih rendah dapat direalisasikan. Agensi-agensi kerajaan yang terlibat telah memberikan kerjasama yang erat dalam menyokong usaha ini demi memberikan kemudahan kepada rakyat dan komuniti perniagaan semasa berurusan dengan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 16.10.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah syarat-syarat pelantikan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan sama ada kemahiran Bahasa Mandarin diwajibkan untuk pelantikan Pengetua SMJK Cina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat baharu' pemilihan pengetua yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) Bil.6/2013 pada 08 Oktober 2014 adalah terpakai untuk pengisian jawatan pengetua di semua jenis sekolah di seluruh negara. Di samping itu, calon-calon yang telah memenuhi syarat-syarat ditetapkan hendaklah lulus pentaksiran oleh Ketua Jabatan.

YAB Menteri Pendidikan dalam *Delivery Task Force* Bil. 3/2013 pada pada 19 September 2013 telah memutuskan supaya syarat baharu pemilihan calon pengetua dilaksanakan mulai bulan Julai 2014. Syarat umum dan syarat khusus yang telah diluluskan LKPPP adalah seperti berikut :

## **Syarat Umum**

- a) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 85 peratus berdasarkan wajaran LNPT tiga (3) tahun terakhir;
- b) Bebas daripada tindakan tatatertib;
- c) Telah mengisytiharkan harta;
- d) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- e) Bebas daripada Senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- f) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

## **Syarat khusus**

- a) Telah dinaikkan pangkat ke Gred DG48;
- b) Mempunyai pengkhususan dalam bidang tertentu iaitu Bidang Umum/Teknikal/Pendidikan Islam;
- c) Lulus Program Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) atau Program Kelayakan Profesional Keperolehan Kebangsaan (NPQH);
- d) Mempunyai pengalaman berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran/Ketua Bidang/ Penolong Kanan (termasuk Penolong Kanan ditempatkan secara pentadbiran di sekolah kurang muris (SKM) (B) / jawatan-jawatan pentadbiran di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/ Bahagian / Institut Aminuddin Baki (IAB) / Institut Pendidikan Guru (IPG) / KM;
- e) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun tempoh

perkhidmatan sebelum bersara (tertakluk kepada tarikh kekosongan); dan

- f) Melempi tahap kesihatan yang memuaskan (Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2013).

Oleh yang demikian, kemahiran Bahasa Mandarin tidak diwajibkan sebagai syarat pelantikan Pengetua di SMJK Cina.

RJM57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD  
IMRAN BIN ABD HAMID (B)  
[ LUMUT ]**

**TARIKH : 16/10/2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 40**

**Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bahawa bila MAS akan berhenti menghidang minuman keras dalam penerbangan dan di VIP Lounge dan memastikan paramugarinya berpakaian menutup aurat serta memakai tudung bagi yang beragama Islam.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan penjualan arak dan lain-lain minuman keras di dalam penerbangan, syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang.

Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna MAS menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras.

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat penerbangan perlu mematuhi standard keselamatan antara lain termasuk pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*) dalam tempoh masa yang ditetapkan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Pihak DCA menyatakan salah satu keperluan bagi memperolehi siji keselamatan, syarikat penerbangan perlu memakai pakaian seragam yang membolehkan pramugara dan pramugari menjalankan tugas-tugas keselamatan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria seperti berikut :

- (i) pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*); dan
- (ii) keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing.

Dalam hubungan ini, MAS telah memaklumkan bahawa pakaian pramugari MAS yang merupakan baju kebaya adalah mencerminkan budaya Malaysia di mana pakaian tersebut menjadi indentiti *Malaysian Hospitality* yang diamalkan oleh MAS.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini MAS tidak bercadang untuk memperkenalkan pakaian seragam baru di dalam pesawat.

Kementerian Pengangkutan telah pun meminta semua syarikat penerbangan negara untuk membenarkan atau memberikan pilihan kepada pramugari beragama Islam memakai pakaian yang menepati dengan syariah Islam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY  
SANTIAGO  
KAWASAN : KLANG  
TARIKH : 16.10.2014 (KHAMIS)  
NO. SOALAN : 41

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bilakah kajian-kajian mengenai TPPA termasuk kos-faedah dapat dikeluarkan demi kepentingan ketelusan (transparency) dan penelitian umum.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada 15 Ogos 2013 telah bersetuju untuk melaksanakan Kajian Kepentingan Negara mengenai Penglibatan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) dan Analisis Kos Faedah mengenai impak TPP ke atas Bumiputera dan Industri Kecil Sederhana (IKS).

Bagi Kajian Kepentingan negara yang dilaksanakan oleh *Institute of Strategic and International Studies (ISIS)*. Kajian ini dilaksanakan secara dua fasa. Fasa pertama telah dilaksanakan dengan berdasarkan

kedudukan rundingan semasa. Di peringkat ini, hasil kajian yang telah dilaksanakan adalah bersifat interim dan masih tertakluk kepada hasil rundingan. Fasa kedua akan bermula apabila rundingan dimuktamadkan nanti.

Manakala bagi Analisis Kos Faedah TPP terhadap Bumiputera dan IKS yang dilaksanakan oleh Unit Peneraju Bumiputera (TERAJU) dan PriceWaterhouse Coopers (PwC), ia masih di peringkat terakhir untuk menganalisis impak TPP ke atas sektor IKS secara keseluruhan. Hasil kajian yang bakal dilaporkan juga bersifat interim kerana ia berdasarkan kedudukan rundingan semasa. Fasa kedua kajian juga telah dirancang apabila rundingan TPP dimuktamadkan nanti.

Oleh sebab kedua-dua kajian tersebut masih bersifat interim, maka Kerajaan berpandangan bahawa adalah tidak sesuai untuk didedahkan kepada umum. Kerajaan akan mendedahkan kajian lengkap apabila ia dimuktamadkan nanti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.10.2014**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab Syarikat 1Malaysia Development Bhd. membatalkan pinjaman kepada 1MDB-Petrosaudi International yang memberikan pulangan terjamin sebanyak 8.67% dan melabur sebanyak US\$2.32 bilion di sebuah dana Cayman Islands yang hanya memberikan pulangan 5.76%, walaupun *cost of fund* bagi 1MDB melebihi 5.75% setahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dana sebanyak USD2.3 billion adalah hasil pulangan dari usahasama 1MDB-PetroSaudi International. Perkara ini telahpun dilaporkan dalam penyata tahunan syarikat bagi tahun 2012 yang diserahkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

1MDB telah melaburkan hasil pulangan ini bersama pengurus dana berlesen antarabangsa yang berdaftar di Kepulauan Cayman. Dana di Kepulauan Cayman ini dikawalselia oleh pihak berkuasa kewangan di Cayman, Switzerland dan Hong Kong.

Pengurus-pengurus dana ini menggunakan strategi "*absolute return*" (dengan izin) di mana objektif utama pelaburan ialah untuk mencapai peningkatan modal jangka panjang dan/atau pendapatan tetap melalui pelaburan di dalam syarikat disenarai/tidak disenarai di dalam bursa-bursa saham. Dana ini mempunyai objektif pelaburan yang khusus dan selari dengan objektif risiko/pulangan 1MDB.

Sejumlah USD200 juta daripada dana ini telah dikeluarkan untuk tujuan pembayaran semula hutang-hutang Kumpulan 1MDB. Daripada jumlah ini, sebanyak USD134 juta (lebih kurang RM430 juta) adalah daripada dividen tunai 5.76% yang dijana dalam tempoh setahun pelaburan.

**NO. SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7334**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah gejala judi haram serta pelacuran semakin buruk di kawasan Kuching serta kawasan/bandar di sekitar sehingga umpama tiada keberkesanan oleh pihak penguat kuasa. Adakah wujudnya elemen rasuah yang menjadi halangan terhadap keberkesanan dalam pelaksanaan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan Internet di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara.**

**Bagi menentukan aktiviti perjudian dan aktiviti maksiat dapat ditangani dengan lebih berkesan dan terancang, Kementerian telah mengambil pendekatan dan langkah-langkah seperti berikut:-**

- i) Memperhebatkan tindakan yang tegas bagi pembenterasan kegiatan mesin perjudian berkomputer (Ops Dadu Khas) dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara.**
- ii) Kementerian dalam perancangan untuk menubuhkan pasukan khas di peringkat Bukit Aman bagi membasmi masalah perjudian, kongsi gelap dan maksiat secara lebih**

berkesan. Penubuhan pasukan khas dengan kekuatan seramai 200 pegawai dan 30 kakitangan awam akan membuat serbuan dan pemeriksaan pusat-pusat yang menganjurkan perjudian di seluruh negara. Pasukan khas yang dikenali sebagai *Skuad Taktikal Khas 3* (Perjudian, maksiat dan kongsi gelap) dijangka akan mula beroperasi pada bulan Disember nanti setelah perjawatan baru diperolehi dari pihak Kerajaan.

- iii) Pihak Kementerian telah menyediakan satu nota makluman dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri tentang keperluan tindakan bersepadu antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan pihak PDRM untuk mengekang kegiatan perjudian memandangkan pihak PBT mempunyai budi bicara bagi meluluskan dan membatalkan premis dan lesen untuk perniagaan “cybercafé” di kawasan pentadbiran masing-masing.
- iv) Kerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak pembekal air akan dipertingkatkan lagi untuk tindakan permotongan bekalan elektrik dan bekalan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.
- v) Pihak Kementerian sedang mengkaji tindakan alternatif akan diambil di bawah Undang-Undang Pencegahan Jenayah (POCA) jika tiada keterangan yang kukuh untuk

**dituduh di mahkamah terhadap individu atau sindiket yang menganjurkan perjudian haram.**

**Beberapa faktor yang dikenalpasti menjadi punca kegiatan ini masih tidak dapat dihapuskan secara keseluruhannya adalah :-**

**i) Pelayan (*server*) berada di luar negara.**

**Kegiatan ini sudah menjadi jenayah rentas sempadan dimana ianya melibatkan jaringan dengan laman web luar negara dan terdapat juga transaksi hasil pertaruhan disalurkan masuk dan keluar negara. "Server" bagi laman-laman web perjudian ini biasanya dikesan berada di luar negara seperti Filipina, Vietnam & Kemboja. Nama pengguna dan kata laluan juga sering ditukar bagi menyukarkan pihak polis mendapatkan keterangan.**

**ii) Penggunaan Alat Kawalan Jauh**

**Dalam serbuan-serbuan kegiatan perjudian mesin komputer, pihak sindiket telah menggunakan alat kawalan jauh untuk menutup atau menukar laman perjudian kepada laman web sosial walaupun pihak polis telah berjaya memasuki premis dan menahan penjaga premis. Apabila mesin yang dirampas berjaya dipadamkan oleh operator sebelum pakar judi mesin membuat analisa, sukar bagi**

**forensik untuk mengeluarkan semula data bagi membuktikan wujudnya sindiket perjudian.**

**iii) Pusat perjudian bertopengkan pusat hiburan keluarga**

**Pusat Hiburan Keluarga telah disalahgunakan yang mana telah wujud elemen perjudian. Terdapat pusat-pusat hiburan keluarga diberi kebenaran untuk membayar wang tunai sebagai ganti kepada hadiah dalam sesuatu permainan mesin simulator. Perkara ini mendorong pengusaha pusat hiburan menggunakan kebenaran ini untuk menganjurkan perjudian. Pihak polis sukar menguatkuasakan undang-undang Akta Rumah Judi Terbuka 1953 terhadap pusat berkenaan atas kebenaran dalam lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).**

**iv) Kos untuk menjalankan aktiviti perniagaan ini adalah tidak tinggi, justeru itu sindiket masih manpu meneruskan kegiatan mereka walaupun pihak berkuasa mengambil tindakan merampas komputer perjudian.**

**Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi (Ops Dadu) yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku, namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada**

**pihak polis. Pihak polis amat mengalu-alukan maklumat berkaitan dakwaan terdapatnya pegawai polis yang menerima rasuah melindungi penganjur pusat-pusat judi atau pusat pelacuran. Maklumat boleh disampaikan terus kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau ke Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard PDRM (JIPS) bagi membolehkan siasatan boleh dijalankan.**

**NO. SOALAN: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7335**

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga kini adakah kes wanita yang ditipu untuk menjadi keldai dadah (drug mule) dapat dikurangkan oleh Kementerian dan apakah langkah Kementerian untuk membendung masalah ini sama ada yang melibatkan dalam negeri dan di luar negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berdasarkan statistik PDRM dari tahun 2011 hingga Ogos 2014, tangkapan wanita tempatan di luar negara yang terlibat sebagai keldai dadah dilaporkan menurun. Pecahan tangkapan adalah seperti berikut:**

<b>Tahun</b>	<b>Tangkapan Keldai Dadah Wanita Di Luar Negara</b>
2011	28
2012	7
2013	16
2014 (Jan – Ogos)	5
<b>Jumlah</b>	<b>56</b>

**Penurunan tangkapan ini adalah hasil daripada tindakan pembanterasan ke atas sindiket-sindiket pengedaran dadah yang merekrut keldai dadah. Di samping itu, PDRM turut menjalankan kempen kesedaran dengan mengadakan ceramah, forum, pameran serta hebahan media mengenai trend keldai dadah semasa.**

**PDRM akan terus mempertingkatkan usaha untuk mengekang warga tempatan dari terjebak sebagai keldai dadah. Selain itu, PDRM telah mempertingkatkan lagi jaringan kerjasama dengan**

**agensi penguatkuasaan negara asing dalam berkongsi maklumat risikan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN DR. ONG KIAN MING**

**[ SERDANG ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status Ops Qaseh dan bagaimana operasi ini telah membantu mengurangkan masalah gelandangan di negara ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Ops Qaseh merupakan perancangan awal KPWKM untuk menangani masalah pengemis dan gelandangan. Pada hakikatnya, Kementerian melalui agensinya JKM telah sekian lama menjalankan operasi pengemis terutamanya di bandar-bandar besar seluruh negara. Terdapat tiga peringkat operasi pengemis iaitu Bersepadu, Berkala atau Berjadual dan Ad-Hoc (Serta merta). Operasi Bersepadu melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kesihatan dan lain-lain agensi penguatkuasaan. Operasi ini biasanya diketuai oleh pihak PDRM dan dijalankan 4 kali setahun. Bagi Operasi Berkala atau Berjadual pula dijalankan oleh pihak JKM di peringkat daerah. JKM sebagai urusetia merangka jadual operasi dengan kekerapan sebulan sekali (ikut keperluan) yang melibatkan agensi-agensi

penguatkuasaan di peringkat daerah. Manakala Operasi Ad-Hoc (Serta merta) dijalankan segera oleh JKM apabila mendapat aduan dari individu atau masyarakat berkaitan kewujudan aktiviti pengemisan di premis atau persekitaran mereka.

Ops Qaseh adalah penambahbaikan Operasi Bersepadu yang akan dibuat dengan lebih menyeluruh, berterusan. Ops ini juga memastikan agensi-agensi penguatkuasaan terlibat mengambil bahagian secara aktif dan tindakan susulan sewajarnya terhadap kes-kes di bawah tanggungjawab mereka. Ops ini dijalankan bagi memastikan tiada lagi rakyat Malaysia mengemis dan berpelesenan di jalanan tanpa mendapat perlindungan yang sewajarnya. Kementerian akan bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan peringkat kementerian, jabatan dan pihak berkepentingan untuk menjayakan Ops Qaseh.

Usaha menyelamatkan pengemis dan gelandangan hendaklah dilihat dari sudut positif. Tindakan yang diambil bukan tujuan untuk menghukum, sebaliknya melindungi mereka yang tidak sepatutnya tinggal di jalanan.

Pegawai-pegawai dari agensi-agensi penguatkuasaan akan membuat saringan pengemis dan gelandangan ini untuk diambil tindakan mengikut bidang kuasa masing-masing. JKM menggunakan peruntukan Akta Orang Papa 1977 untuk mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan tidak berwaris atau waris tidak dapat dihubungi akan ditempatkan di Rumah-Rumah Orang Tua JKM. Bagi mereka yang berumur di bawah 60 tahun akan di tempatkan di Desa Bina Diri untuk menjalani program pemulihan dan kemahiran. Mereka yang sihat dan mempunyai keupayaan dan kemahiran tertentu akan dibantu untuk mendapatkan pekerjaan bersesuaian dengan kemahiran yang ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' IR HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
KAWASAN : LANGKAWI  
TARIKH : 16.10.2014 (KHAMIS)  
NO. SOALAN : 46

YB DATO' IR HAJI NAWAWI BIN AHMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa jumlah peningkatan perdagangan dan pelaburan dari ASEAN bagi tahun 2012-2013 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengekalkan atau meningkatkan jumlah tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. ASEAN merupakan pasaran utama Malaysia dengan jumlah dagangan sebanyak 27.4 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan global Malaysia. Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN pada tahun 2013 telah dicatatkan sebanyak RM374.71 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.6 peratus daripada tahun 2012. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2013 berjumlah RM201.81 bilion iaitu peningkatan sebanyak 7.2 peratus daripada tahun 2012. Nilai import Malaysia pada tahun 2013 pula berjumlah RM172.9

bilion iaitu peningkatan sebanyak 1.7%. Bagi tujuh bulan pertama 2014, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN telah direkodkan sebanyak RM226.88 bilion.

2. Bagi tahun 2013, Malaysia telah menerima aliran masuk pelaburan intra-ASEAN sebanyak USD2.2 bilion atau 10.3% daripada jumlah pelaburan intra-ASEAN iaitu sebanyak USD21.3 bilion. Malaysia merupakan destinasi pelaburan keempat terbesar selepas Singapura, Indonesia dan Thailand. Walau bagaimanapun, nilai ini mencatatkan penurunan sebanyak 21.4% daripada USD2.8 bilion pada tahun 2012. Hanya Indonesia (peningkatan 13.0%), Myanmar (peningkatan 87.3%), Vietnam (peningkatan 39.3%) dan Thailand (127.2%) mencatatkan peningkatan pelaburan intra-ASEAN pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Jumlah pelaburan asing ke Malaysia dari ASEAN dan luar ASEAN pada tahun 2013 adalah sebanyak USD12.3 billion.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kerajaan berpendapat bahawa integrasi ekonomi ASEAN dapat mempertingkatkan lagi perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN. Integrasi ekonomi ASEAN telah bermula sejak lebih dua dekad yang lalu dengan termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Memperkukuhkan Kerjasama Ekonomi ASEAN yang ditandatangani pada Januari 1992. Proses integrasi ekonomi ASEAN telah diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*AEC Blueprint*) yang diperakukan sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 2007. AEC merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan integrasi ekonomi ASEAN

untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota khususnya dalam menjadikan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif.

4. Kesan integrasi dan ekonomi ASEAN telah memberikan ruang dan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk memperluaskan perniagaan ke negara-negara ASEAN lain. Sehingga kini, adalah dianggarkan lebih daripada 500 buah syarikat Malaysia telah beroperasi di negara-negara ASEAN termasuklah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress. Industri kecil dan sederhana turut dapat mengeksport ke negara-negara ASEAN.

5. Syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di negara-negara ASEAN juga telah menubuhkan majlis-majlis perniagaan di Indonesia, Thailand, Myanmar, Singapura, Vietnam dan Kemboja. Kerajaan menyarankan agar usahawan-usahawan tempatan dapat berinteraksi dengan majlis-majlis ini untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LIM KIT SIANG  
[ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB. TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada projek penambakan laut 5000 ekar di Selat Johor untuk projek Forest City oleh Country Garden Holdings dirancang dan dilaksanakan mengikut Pelan Pembangunan Bersepadu Iskandar Malaysia, tarikh bilakah IRDA memberi kebenaran dan impak positif dan negatif terhadap masyarakat setempat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kawasan Forest City berada di dalam Iskandar Malaysia, namun Pelan Pembangunan Bersepadu Iskandar Malaysia atau dikenali sebagai Pelan Pembangunan Komprehensif (CDP) Iskandar Malaysia tidak merangkumi projek pembangunan yang melibatkan penambakan laut tersebut. Oleh itu, kuasa pemberian kebenaran pembangunan berkenaan adalah di luar bidang kuasa Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA).

Sebenarnya, Projek Forest City oleh Country Garden Holdings merupakan sebuah projek yang dimajukan secara terus kepada MBBJ dan kerajaan negeri. Sehubungan itu, pihak IRDA tidak menjalankan penilaian impak ke atas projek penambakan tersebut.

Berhubung dengan impak positif kepada masyarakat pula, secara amnya adalah jelas projek pembangunan secara langsung dan tidak langsung akan memberi kesan positif kepada masyarakat dalam bidang ekonomi, peluang perniagaan serta pekerjaan, kemudahan infrastruktur, tarikan pelancongan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
KAWASAN : SHAH ALAM  
TARIKH : 16.10.2014 (KHAMIS)  
NO. SOALAN : 48

TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada kerajaan Malaysia akan menandatangani perjanjian TPPA dan sekiranya ya mengapa.

### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pendekatan Kerajaan Malaysia apabila merundingkan perjanjian perdagangan antarabangsa adalah berdasarkan kepada faedah jangka panjang yang akan diperolehi oleh Malaysia. Faktor pertimbangan tidak berubah ketika Kerajaan pada tahun 2009 membuat keputusan untuk menyertai rundingan Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA). Rasional penyertaan Malaysia dalam TPPA adalah sama dengan penyertaan Malaysia dalam ASEAN dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN iaitu AFTA. Sekiranya dilihat, Malaysia telah mendapat faedah dari penyertaan dalam ASEAN dan AFTA. Dari segi statistik, perdagangan Malaysia dengan ASEAN telah meningkat lebih dari 7 kali ganda kepada RM375 bilion pada tahun 2013 berbanding RM52.2 bilion pada tahun 1991. Sekiranya Malaysia tidak menyertai TPPA, kredibiliti Malaysia sebagai

negara perdagangan yang terbuka dan maju akan terjejas. Malah, pengeksport Malaysia akan menghadapi saingan hebat di pasaran TPP berbanding negara-negara pesaing yang menjadi ahli seperti Viet Nam dan Singapura akan mendapat layanan keutamaan.

Dari segi pelaburan, sekiranya Malaysia tidak menyertai TPPA, pelabur asing mungkin lebih cenderung memilih negara ahli TPPA lain sebagai destinasi untuk pelaburan mereka memandangkan produk pengeluaran mereka dapat menikmati manfaat akses pasaran melalui layanan tarif berkeutamaan di antara negara rakan TPPA. Ada juga kemungkinan pelaburan asing yang sedia ada di negara kita akan berpindah ke negara ahli TPPA contohnya ke Negara Viet Nam. Ini akan menjejaskan peluang pekerjaan dan seterusnya ekonomi negara.

Selain itu, pasaran TPPA di jangka bertambah besar dengan penyertaan beberapa negara anggota APEC lain yang telah menunjukkan minat untuk menyertai TPPA seperti Chinese Taipei, Filipina dan Korea Selatan. Pengecualian Malaysia daripada TPPA akan menyebabkan Malaysia ketinggalan dalam rangkaian bekalan serantau (*regional supply chain*) pada masa akan datang.

Untuk makluman para hadirin dalam dewan mulia ini, hasil analisis pasukan perunding dalam akses pasaran bagi barangan telah menunjukkan bahawa Malaysia berpotensi meraih peluang yang besar dengan pembukaan 4 pasaran baru yang Malaysia kini tidak mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bersama. Dengan menggunakan hanya satu perjanjian, barangan Malaysia boleh memasuki pasaran Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru pada kadar duti yang rendah dan kompetitif.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam proses membuat penilaian tentang kebaikan yang mampu dimiliki oleh negara, pelbagai pertimbangan dan konsultasi domestik yang meluas telah diambil kira. Dalam tahun 2013, pihak Kementerian telah mengadakan lebih daripada 50 sesi pertemuan bersama pihak berkepentingan untuk berkongsi pendirian negara dan mendapatkan pandangan serta maklum balas mengenai penyertaan Malaysia dalam TPPA serta sensitiviti industri tempatan. Amalan proses konsultasi ini diteruskan dalam tahun 2014 ini dengan pelaksanaan lebih daripada 30 sesi konsultasi.

Ingin saya tegaskan bahawa objektif Kerajaan dalam rundingan TPPA adalah amat jelas iaitu kepentingan negara mesti dipertahankan, kita tidak terdesak untuk menyertai proses rundingan ini dan Malaysia hanya berunding dengan terma-terma yang boleh di terima pakai negara. Pada peringkat rundingan, adalah penting untuk Malaysia menyertai dan meneruskan rundingan supaya kita dapat menetapkan perkara-perkara yang kita ingin ketengahkan dan kita dapat menyuarakan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita dan ingin kita lindungi.

Rundingan masih lagi berjalan. Oleh itu, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, Kerajaan hanya akan menandatangani TPPA sekiranya ia membawa kebaikan kepada negara dan rakyat secara keseluruhannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**SOALAN:**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sektor-sektor manakah di Malaysia yang menggunakan bio diesel secara meluas dan apakah cabaran yang bakal dihadapi oleh sektor-sektor baru yang ingin menggunakan bio diesel secara komersial.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun melaksanakan Program B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel fosil) mulai Jun 2011 bagi sektor bersubsidi. Ini melibatkan pengangkutan darat dan perikanan.

Program ini yang telah dimulakan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur pada Jun 2011, kini telahpun dilaksanakan sepenuhnya di Semenanjung, mulai bulan Mac 2014. Buat masa ini, pengangkutan darat dan perikanan di Semenanjung menggunakan sepenuhnya B5.

Kementerian sedang berkerjasama dengan syarikat-syarikat petroleum bagi memperluas Program B5 ke negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pelaksanaan Program B5 di kawasan ini dijangka akan dilaksanakan secara berfasa, mulai Oktober 2014 dan sepenuhnya pada bulan Disember 2014.

Sehubungan itu, Kementerian menggalakkan sektor-sektor lain termasuk sektor tidak bersubsidi untuk turut menggunakan biodiesel sawit.

Bagi menggalakkan penggunaan B5 di sektor industri, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melancarkan Skim Insentif Biodiesel Sawit (SIBS) pada Mac 2013. Skim ini menyediakan insentif sebanyak RM 300 se tan bagi penggunaan biodiesel di sektor berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**[ WANGSA MAJU ]**  
**TARIKH : KHAMIS, 16 OKTOBER 2014**  
**RUJUKAN : L5 [PR-1323-L63807]**  
**SOALAN :**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah pemilihan dan apakah peranan ahli lembaga penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah wujudnya cadangan untuk diadakan pemilihan ahli-ahli lembaga penasihat melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, pemilihan keanggotaan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur adalah tertakluk kepada Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 Peraturan-peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989. Merujuk akta tersebut, Lembaga Penasihat yang kemudian daripada ini disebut "Lembaga" yang ditubuhkan di bawah Seksyen 6 Akta hendaklah terdiri daripada-

- (a) Seorang pegawai dari Kementerian yang bertanggungjawab mengenai Wilayah Persekutuan;
  - a. Seorang pegawai dari Kementerian Kewangan;
  - b. Seorang pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri;
- (b) Dua orang ahli yang dinamakan oleh Raja dalam Mesyuarat Negeri Selangor; dan
- (c) Sepuluh orang ahli yang tidak memegang apa-apa jawatan sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam dan majoriti daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, atau selainnya mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Mengikut Peruntukan 6 (Akta Ibu Kota Persekutuan 1960) Lembaga Penasihat berperanan untuk menasihati Datuk Bandar mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran bandar raya sebagaimana yang ditetapkan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan perintah dan mengenai apa-apa soalan yang dirujuk kepada Lembaga Penasihat oleh Menteri atau Datuk Bandar.

Setakat ini, tiada cadangan pemilihan Ahli-ahli Lembaga Penasihat melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD

TARIKH: 16 OKTOBER 2014

SOALAN:

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar peratusan pekerja mahir, separa mahir dan tidak mahir dalam pasaran pekerjaan di Malaysia sehingga Mac 2014 dan pecahan pekerja-pekerja asing dalam kategori-kategori ini.

PR-1323-L63713

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, didapati kadar peratusan pekerja mahir, separa mahir dan tidak mahir dalam pasaran pekerjaan di Malaysia yang berusia 15 – 64 tahun sehingga suku pertama 2014 (Mac 2014) adalah seperti berikut:-

<b>Jenis Pekerja</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Pekerja Mahir	24.8
Pekerja Separa Mahir	62.3
Pekerja Tidak Mahir (Pekerja Asas)	12.9
Jumlah	100.0

Tuan Yang Di Pertua,

Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenai kadar peratusan pekerja mahir, separa mahir dan tidak mahir bagi golongan pekerja asing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG  
NYUK FOH [ SANDAKAN ]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah status yang terkini cadangan pembinaan "*pipeline*" yang menghantar gas LNG dari kawasan barat Sabah sehingga kawasan timur Sabah di Sandakan. Adakah cadangan pembinaan loji penjanaan kuasa LNG di Sandakan masih berterusan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Cadangan pembinaan "*pipeline*" untuk menghantar gas LNG dari kawasan barat Sabah sehingga kawasan timur Sabah di Sandakan sedang dikaji dengan teliti. Pada masa ini, Kerajaan dengan kerjasama PETRONAS sedang melaksanakan kajian kemungkinan (*feasibility*) bagi mengenal pasti laluan paip gas dari kawasan Barat Sabah ke Timur Sabah serta kos pelaksanaannya. Suruhanjaya Tenaga juga sedang mengenal pasti konfigurasi dan kaedah pelaksanaan terbaik untuk membangunkan sebuah stesen jana kuasa besar di kawasan Sandakan bagi memperkukuhkan sistem penjanaan bekalan elektrik di sekitar kawasan Pantai Timur Sabah.

2. Kerajaan sememangnya sedar akan keperluan untuk meningkatkan penjanaan bekalan elektrik bagi memastikan bekalan elektrik yang lebih stabil dengan *reserve margin*, dengan izin, yang lebih baik di kawasan Pantai Timur Sabah. Sehubungan itu, Kerajaan telah meneliti semula cadangan pembinaan sebuah stesen jana kuasa besar

berkapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah menjelang tahun 2020 terutama sek ali dari segi lokasi dan bahan api yang akan digunakan. Perancangan asal bagi pembinaan Terminal Regasifikasi (RGT) Bahan Api Cecair (LNG) dan stesen jana kuasa 300MW berasaskan gas di POIC Lahad Datu, Sabah sedang dikaji semula. Ini memandangkan isu berkaitan harga bahan api LNG pada harga pasaran semasa yang akan menyebabkan kos penjanaan yang sangat mahal dan melebihi kemampuan SESB.

3. Dalam hal ini, pihak Kerajaan telah meneliti semula pilihan bahan api penjanaan bagi projek stesen jana kuasa tersebut dan secara dasar telah memutuskan agar pilihan bahan api menggunakan gas asli melalui pembinaan saluran paip gas dari Pantai Barat ke Pantai Timur dikaji dengan lebih terperinci. Di samping itu, opsyen yang dipilih ini mampu merangsang pertumbuhan ekonomi setempat (*economic spin-off*) sepanjang laluan paip gas berkenaan. Lokasi stesen jana kuasa juga sedang dikaji semula agar kos projek ini lebih efektif dan berkesan.

4. Sebagai langkah mitigasi bagi menampung keperluan permintaan elektrik di Pantai Timur Sabah sebelum penyiapan stesen jana kuasa tersebut, pihak Kerajaan juga bercadang untuk membangunkan stesen jana kuasa setempat di Sandakan, Lahad Datu dan Tawau pada tahun

2016 hingga 2018 bagi memastikan aspirasi strategi “*Self Zonal Sufficiency*” atau kemampuan mencukupi setempat dari segi pembekalan elektrik di zon-zon besar di Pantai Timur Sabah dapat dicapai.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 ( KHAMIS )**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kewujudan gelandangan dikatakan mengganggu persekitaran Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya utama negara dan berapakah jumlah tangkapan yang telah dilakukan oleh Kerajaan pada tahun 2013 terhadap golongan peminta sedekah yang dikhuatiri berpendapatan lumayan hampir setiap bulan dan apakah tindakan terhadap mereka yang telah ditangkap.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) ingin memaklumkan bahawa kerajaan amat prihatin dan memandang berat isu golongan pengemis dan gelandangan yang dikatakan semakin meningkat terutamanya di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Kehadiran golongan ini yang berkeliaran di sekitar kawasan tumpuan utama telah menimbulkan rasa gelisah dan kegusaran di kalangan pengunjung dan masyarakat. Gaya hidup, berpakaian, terbaring di kaki lima bangunan perniagaan dan perlakuan tidak senonoh mereka mendatangkan rasa tidak selamat dan menjejaskan imej negara dalam usaha menarik lebih ramai pelancong. Keselamatan pengemis dan gelandangan itu sendiri tidak terjamin dalam keadaan mereka tidur di kaki lima dengan beralaskan kotak, terdedah kepada penyakit dan hidup mengharap simpati dari orang ramai.

Oleh itu, usaha menyelamatkan pengemis dan gelandangan hendaklah dilihat dari sudut positif. Tindakan yang diambil bukan tujuan untuk menghukum, sebaliknya melindungi mereka yang tidak sepatutnya tinggal di jalanan.

Bagi membanteras aktiviti negatif ini, operasi berterusan terhadap pengemis dan gelandangan perlu diselaraskan dan dipergiatkan oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi menghindar kebanjiran golongan ini di Ibu Kota.

KPWKM mempunyai statistik pengemis yang diselamatkan melalui operasi yang dilaksanakan berdasarkan Akta Orang Papa 1977 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pada tahun 2013, sebanyak 2,039 operasi telah dijalankan di seluruh Malaysia dan seramai 1,048 orang pengemis diselamatkan. Daripada jumlah tersebut, 194 orang adalah pengemis warganegara asing. Hingga Jun 2014, sebanyak 681 operasi menyelamatkan

orang papa telah dijalankan di seluruh negara dan seramai 559 yang telah diselamatkan.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti setiap orang yang diselamatkan. Setiap agensi bertindak mengikut bidang kuasa agensi masing-masing. Sebagai contoh sekiranya didapati golongan gelandangan terdiri daripada pengemis dan peleser warganegara, pihak JKM akan menempatkan mereka di institusi-institusi JKM mengikut peruntukan Akta Orang Papa (AOP) 1977 atau pulangkan kepada keluarga mereka.

Pengemis warganegara Malaysia yang diselamatkan akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), manakala bagi warga emas yang berusia 60 tahun ke atas pula diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK). Langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin. Di DBD dan RSK berkenaan, mereka akan menjalani pemulihan, perlindungan dan latihan kerjaya dalam

bidang vokasional, pertanian dan kraftangan bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun. Pendidikan kerohanian dan rekreasi, rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan juga turut disediakan.

Pada masa ini, tiada sebarang peruntukan di bawah Akta Orang Papa (AOP) 1977 yang membolehkan tindakan menangkap pengemis yang berperdapatan lumayan hasil dari aktiviti pengemisan kerana Akta ini bertujuan untuk menyelamatkan pengemis dan diberi penempatan di institusi-institusi kebajikan bagi menjalani latihan vokasional yang sesuai sebelum mereka diintergrasikan dalam masyarakat. Di bawah AOP 1997, pengemis akan diselamatkan dan diasingkan untuk perlindungan serta pemulihan selama 3 tahun di institusi-institusi yang dikelolakan oleh JKM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [ BATU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah status dan perkembangan pembinaan pangsapuri kos rendah di Taman Pelangi Parlimen Batu yang telah lebih sepuluh (10) tahun melebihi jangka masa pembinaan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Taman Sri Pelangi kini sedang dimajukan oleh pemaju baru melalui perjanjian bersama tuan tanah. Pemaju telah mengemukakan permohonan pertukaran dari pembangunan rumah kos rendah kepada rumah kos sederhana. Status terkini, pemaju dalam proses penyediaan pindaan pelan perancangan/pembangunan. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan apabila kelulusan telah diperolehi daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kakitangan yang telah berpencen tetapi disambung semula perkhidmatan mengikut bidang kepakaran, Kementerian dan agensi, tangga gaji, elaun dan manfaat yang diberikan serta tempoh masa kontrak perkhidmatan.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan pesara secara kontrak adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan, kesinambungan kepakaran, pengalaman dan kepimpinan yang diperlukan oleh agensi yang berkenaan.

Jumlah pesara yang dilantik secara kontrak, dengan izin *contract of service*, di Kementerian/Jabatan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan sehingga Oktober 2014 ialah seramai 46 orang. Daripada jumlah tersebut, 16 orang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan 30 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Bidang-bidang yang terlibat adalah perubatan, syariah dan hal ehwal Islam (Mufti), perkhidmatan tadbir dan diplomatik, penerbangan awam serta pendidikan.

Pesara yang dilantik secara kontrak akan dibayar gaji dan elaun yang sama jika beliau dilantik atas gred sebelum bersara. Sekiranya pesara dilantik pada gred yang lebih rendah, beliau akan dibayar gaji yang terhampir dengan gaji akhir ketika berkhidmat tertakluk kepada gaji maksimum, elaun serta kemudahan gred berkenaan. Tempoh masa lantikan kontrak adalah satu hingga dua tahun.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (Khamis)**

**SOALAN**

**Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan Akta Hasutan 1948 bagi menepati janji Perdana Menteri sebagai satu langkah transformasi politiknya.**

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan menggantikan dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.

2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.

3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.